PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2013

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia 2

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia 3

Pengurusan Tertinggi Perpustakaan Negara Malaysia 6

Carta Organisasi Perpustakaan Negara Malaysia 8

Pencapaian Perpustakaan Negara Malaysia 11

Peristiwa Penting 16

Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia 21

Pembangunan Sumber Manusia 25

Perancangan dan Perhubungan Korporat 30

Prasarana Ilmu dan Maklumat 34

Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian 38

Perkhidmatan Malaysiana 41

Perkhidmatan Maklumat Umum 49

Perkhidmatan Perpustakaan Digital Nasional 64

Perpustakaan Negara Malaysia Negeri Perlis 67

Sistem Pengurusan Kualiti 74

Program Utama Perpustakaan Negara Malaysia 76

Statistik Perpustakaan Negara Malaysia 80

Pameran 83

Lawatan 84

Kerjasama Perpustakaan 88

Penerbitan 91

Penulisan 92

Kelab Perpustakaan Negara Malaysia 94

PUSPANITA Cawangan Perpustakaan Negara Malaysia 96

Perpustakaan Negara Malaysia dan Rakan Media 98

Pencapaian Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama 107

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Cetakan Pertama 2014

© Perpustakaan Negara Malaysia, 2014
Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia
Laporan Tahunan / Perpustakaan
Negara Malaysia, -1985-.
- Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985 - .
Tahunan
ISSN 0128-3170
1. Libraries, National - - Malaysia. 2. Corporation reports.
I. Judul 027.5595

PERUTUSAN KETUA PENGARAH PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh dan Salam 1Malaysia

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya Laporan Tahunan 2013 Perpustakaan Negara Malaysia dapat disempurnakan dan diterbitkan dengan jayanya. Perpustakaan Negara Malaysia membuka tirai tahun baru 2013 dengan memperbaharui ikrar untuk terus berusaha keras dan menyatakan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi bagi menjayakan misi dan visi PNM pada masa hadapan. Tahun 2013 memperlihatkan PNM mengukir nama sebagai tuan rumah bagi penganjuran antarabangsa Persidangan Ketua-Ketua Perpustakaan Negara Asia dan Oceania (CDNLAO) ke-21. Penganjuran persidangan antarabangsa ini merupakan perhimpunan tahunan bagi Ketua-Ketua Pengarah Perpustakaan Negara dari negara-negara Asia dan Oceania bertujuan untuk memimpin pembangunan perkhidmatan perpustakaan dan kepustakawanan serta mewakili kepentingan Perpustakaan Negara, perkhidmatan maklumat serta penggunanya di negara-negara Asia Oceania. Sebagai peneraju kepada kepimpinan kepustakawanan di Malaysia, PNM dengan kerjasama perpustakaan awam, perpustakaan akademik dan perpustakaan khusus telah menghasilkan buku panduan RDA Malaysia. RDA atau *Resource Description and Access* merupakan standard baru pendokumentasian yang memenuhi keperluan dan kesesuaian persekitaran dunia digital dan teknologi masa kini.

Seiring dengan aktiviti yang dijalankan, PNM juga memperluas dan mempertingkatkan program pembangunan yang merangkumi kawasan komuniti yang lebih meluas agar masyarakat setempat memanfaatkan perpustakaan dengan sebaik-baiknya. Penubuhan Perpustakaan Awam Bukit Damansara, Kuala Lumpur dengan operasi harian perpustakaan dikendalikan sepenuhnya oleh Perpustakaan Negara Malaysia telah menjadi pusat maklumat komuniti setempat berkonsepkan Library2U yang membolehkan masyarakat bandar mengakses bahan bacaan dengan mudah. Program galakan membaca, menyebar luas penubuhan perpustakaan desa dan aktiviti lain turut mengukuhkan PNM dalam mewujudkan masyarakat berilmu dan beradab bagi memastikan hasrat membudayakan amalan membaca dapat dilaksanakan merentasi pelbagai lokasi, etnik dan agama melalui kerjasama pelbagai pihak.

Maklumat-maklumat yang dipaparkan dalam Laporan Tahunan 2013 ini bukan sahaja menjadi sumber rujukan malah juga sebagai petunjuk dan titik rujukan untuk menambah baik pencapaian pada masa akan datang. Ini merupakan salah satu cara untuk mengukur dan menilai prestasi PNM sebagai sebuah organisasi yang menerajui transformasi pembangunan dan pengurusan Perpustakaan di Malaysia. Jika diterbitkan secara tetap dan dipersembahkan dalam bentuk yang menarik, laporan tahunan ini akan menjadi sumber dokumentasi dan rujukan yang sangat penting kepada para penyelidik untuk mengkaji prestasi Jabatan.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Laporan Tahunan PNM 2013.

Selamat membaca.

"Mari Membaca 1Malaysia"

Sekian, wassalam.

Dato' Raslin Abu Bakar
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

LEMBAGA PENASIHAT PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Ahli Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia 2010 / 2013

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan seperti termaktub dalam *Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006), Bahagian III, Seksyen 5(1).* Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia berperanan memberikan nasihat kepada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia berhubung dengan pembangunandan perkhidmatan perpustakaan di Malaysia.

Ahli Lembaga Penasihat yang dilantik oleh YB Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) adalah seperti berikut:

- YBhg. Dato' Sri Dr. Halim Shafie (Pengerusi)
- YBhg. Tan Sri Ramon V. Navaratnam (Ahli)
- YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Hajah Nik Safiah Haji Abdul Karim (Ahli)
- YBhg. Dato' Ng Tieh Chuan (Ahli)
- YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh (Ahli)
- YM Raja Datin Paduka Fuziah Raja Tun Uda (Ahli)
- Prof. Dr. Juhana Salim (Ahli)
- Encik Azahar Mohd. Noor (Ahli)

Ex-Officio

- YBhg. Datuk Hj. Ab. Ghaffar A. Tambi
  Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)
  Wakil bagi Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK)

- YBhg. Dato' Raslin Bin Abu Bakar
  Ketua Pengarah
  Perpustakaan Negara Malaysia
  Selaku Setiausaha Mesyuarat

Manakala mulai bulan Oktober 2013, keanggotaan baru Ahli Lembaga Penasihat bagi tempoh 2013-2016 yang dilantik oleh YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) adalah seperti berikut:

- YBhg. Dato' Sri Dr. Halim Shafie (Pengerusi)
- YBhg. Datuk Dr. Ong Hong Peng (KPK)
- YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh (Ahli)
- YM Raja Datin Paduka Fuziah Raja Tun Uda (Ahli)
- YBrs. Prof. Dr. Juhana Salim (Ahli)
- Encik Azahar Mohd. Noor (Ahli)
- YBrs. Prof Madya Dr. Laili Hashim (Ahli)
- YBrs. Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian (Ahli)
- YBrs. Dr. Lim Swee Tin (Ahli)
- YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar (Setiausaha)

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan mesyuarat sebanyak satu (1) kali iaitu pada 1 Julai 2013. Antara perkara-perkara penting yang telah dibincangkan pada mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

- Agenda Transformasi Perpustakaan di Malaysia
- Dasar Maklumat Negara
- Pencapaian Program / Aktiviti Perpustakaan Negara Malaysia
- Laporan Analisis Penggunaan u-Pustaka
- Statistik Perkhidmatan PNM

Di samping itu, Lembaga Penasihat PNM juga turut aktif dan banyak menyokong aktiviti / program PNM dengan menyertai majlis-majlis yang dianjurkan oleh PNM.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Taklimat ringkas yang diberikan oleh pegawai Pustaka Negeri Sarawak kepada Ahli Lembaga Penasihat PNM 2013-2016.

YBhg. Dato' Sri Dr. Halim Shafie ketika mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM Bil. 1/2013 pada 1 Julai 2013 di Pustaka Negeri Sarawak.

Sesi bergambar Ahli Lembaga Penasihat PNM 2013-2016 bersama YBhg. Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia di Pustaka Negeri Sarawak.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PENGURUSAN TERTINGGI

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PENGURUSAN TERTINGGI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

SALBIAH MOHAMAD YUSOF
Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat
(Januari - Julai 2013)

Pengarah Perkhidmatan Malaysiana
(Ogos 2013)

ZAINAL ARIFFIN MOHAMMED
Pengarah Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

FADHILAH AINI MD YUSOF
Pengarah Pembangunan Sumber Manusia
(Januari - Ogos 2013)

KAMARUDIN MAT NATA
Pengarah Perancangan dan Perhubungan Korporat

ABDUL RAHMAN SUDIN
Pengarah Perkhidmatan Maklumat Umum

DATO' RASLIN ABU BAKAR
Ketua Pengarah


SITI AISHAH SHEIKH ABDUL KADIR
Pengarah Perkhidmatan
Perpustakaan Digital Nasional
NORAZWANA YUSOP
Pengarah Bahagian
Teknologi Maklumat
DAHLAN SAMAD
Pengarah Pembangunan
Sumber Manusia
(September 2013)
MAIZAN ISMAIL
Pengarah Pembinaan Koleksi
Negara dan Pendokumentasian
NAFISAH AHMAD
Timbalan Ketua Pengarah
MUHAMMAD HARON
Pengarah Perpustakaan Negara
Malaysia Negeri Perlis
SHAFIKKULLAH
HAJI MOHD SHAFIEE
Pengarah Prasarana
Ilmu dan Maklumat

CARTA ORGANISASI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2013



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PENCAPAIAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PENCAPAIAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2013

Pengurusan dan Perancangan Strategik Jabatan

Dalam meletakkan hala tuju Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada satu landasan yang tepat seiring dengan visi dan misi Jabatan, PNM telah menggubal semula Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) 2014-2018 serta turut merangka dan menilai KRA dan KPI Jabatan bagi setiap tahun. Pelan Strategik PNM 2014-2018 yang menggariskan lima (5) teras perkhidmatan utama, 16 objektif dan 20 pelan tindakan telah dimurnikan pada Makmal Pelan Strategik PNM 2014-2018 yang diadakan di Genting Highlands, Pahang. Pada tahun 2013 Jabatan telah menetapkan sebanyak 12 KPI untuk dicapai yang turut merangkumi dua (2) KPI yang menyumbang kepada pencapaian KPI TKSU(K), KPK Pencapaian KPI PNM untuk tahun 2013 adalah *On Target*.

Sistem Pengurusan Kualiti

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) terus mantap sepanjang tahun 2013 dan PNM telah mendapat beberapa anugerah hasil daripada komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh warganya dalam pengurusan kualiti.

Pengurusan Portal Jabatan (www.pnm.gov.my)

PNM telah dianugerahkan dengan penarafan 5 Bintang (5 *star rating*) bagi pengurusan Portal Jabatan di dalam *Malaysia Government Portals and Web Assessment (MGPWA)* 2013.

Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2012

PNM telah menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2012 serta Sijil Penghargaan dan piala dari Ketua Audit Negara Malaysia pada Disember 2013.

Pensijilan Semula MS ISO 9001 : 2008

PNM sekali lagi berjaya mendapatkan Pensijilan Semula dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bagi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Perpustakaan Negara Malaysia yang berkuat kuasa mulai 9 April 2013 sehingga 8 April 2016. Hasil daripada pematuhan Objektif Kualiti MS ISO 9001:2008 telah menyaksikan pencapaian hasil memberansangkan dalam aspek piagam pelanggan di mana PNM berjaya mencapai 96.99% kepuasan pelanggan.

Penerapan Budaya Kreativiti dan Inovasi (KIK)

Dalam menggalakkan budaya kreativiti dan inovatif di kalangan warga kerja, tiga (3) kumpulan KIK telah berjaya ditubuhkan pada tahun 2013.

Pengurusan Kewangan

Bagi tempoh sehingga 31 Disember 2013, PNM telah berjaya mengurus perbelanjaan sebanyak RM 67,587,163.92 (108.39%) daripada RM 62,354,754.00 belanja mengurus tahunan.

JENIS PERUNTUKAN	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2013 (%)
Dasar Sedia Ada	42,219,098.00	42,498,448.17	100.66%
Program Khusus	19,227,138.00	24,211,704.46	125.92%
One-off	908,518.00	877,011.29	96.53%
JUMLAH KESELURUHAN	**62,354,754.00**	**67,587,163.92**	**108.39%**

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dasar Jabatan

Dua (2) Dasar Jabatan telah dikemaskini iaitu Dasar Galakan Membaca dan Dasar Khidmat Nasihat dan Perundingan bagi memantapkan lagi peranan PNM sebagai peneraju pebangunan perpustakaan di Malaysia.

Penyelidikan dan Pembangunan Perpustakaan (R & D)

Penyelidikan dan Pembangunan yang berterusan dalam bidang perpustakaan dan kepustakawanan adalah satu tonggak terpenting dalam usaha mengukuhkan profesion pustakawan di Malaysia. Kejayaan R&D adalah kritikal bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan membolehkan PNM meneliti dan merencana hala tuju berdasarkan kekuatan dan peluang yang dimiliki hasil daripada kajian-kajian yang telah dijalankan. Pada tahun 2013, sebanyak lapan (8) kajian telah berjaya dilaksanakan iaitu Kajian Tinjauan Kelajuan Perkhidmatan WiFi PNM, Kajian Pembangunan Industri Perbukuan di Malaysia: Status dan Prestasi Penjual Buku, Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Sistem Pembekalan Penerbitan, Kajian Keberkesanan Penggunaan K-Jawi, Kajian Status Kekukuhan Koleksi Perpustakaan di Malaysia, Kajian Pelaksanaan Literasi Maklumat di Malaysia, Kajian Keperluan Pengguna Terhadap Perkhidmatan PNM, dan Kajian Ringkas Dapatan Maklumat Transformasi Perpustakaan.

Pembangunan perpustakaan di Malaysia turut diperluaskan menerusi penambahan bilangan Perpustakaan Desa (PD) dari 1,096 buah kepada 1,099 buah dengan penambahan tiga (3) buah pada tahun 2013 atas sumbangan Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Haji Mohamad Hanadzlah,YB Ahli Parlimen Tambun.

JENIS PERPUSTAKAAN DESA	TAHUN 2011	TAHUN 2012
Perpustakaan Desa PNM	482	485
Perpustakaan Desa PAN*	614	614
JUMLAH KESELURUHAN	**1,096**	**1,099**

PAN - Perpustakaan Awam Negeri

Jaringan Pakatan Strategik di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Pada tahun 2013 memperlihatkan bahawa profesion kepustakawanan telah dapat diperkukuhkan melalui jaringan pakatan strategik sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Dalam arena antarabangsa, PNM telah menjadi tuan rumah bagi *21st Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNLAO)* pada 25 hingga 28 Mac 2013. PNM juga telah berjaya menganjurkan satu (1) ceramah iaitu Ceramah Perdana bertajuk *Libraries as a Force for Change in a Knowledge Society* oleh Dr Ingrid Parent, Presiden *International Federation of Library Associations and Institutions* (IFLA) pada 26 Mac 2013 dan satu (1) seminar iaitu *Seminar on Media and Information Literacy : Catalyst for Life Long Learning* yang telah diadakan pada 27 Mac 2013.

Antara persidangan/ mesyuarat yang telah disertai oleh Ketua Pengarah PNM dan pegawai adalah *International Federation of Library Associations and Institutions* (IFLA) *World Library Information Congress* (IFLA WLIC), *Congress of Southeast Asian Librarians* (CONSAL), *Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania* (CDNLAO) dan *2013 Forum for Asia Library Directors*, China PNM juga telah mengedarkan brosur *Visit Malaysia Year* 2014 kepada delegasi dalam persidangan dan bengkel ini.

Sepanjang tahun 2013 juga PNM telah menerima sebanyak 29 lawatan dengan jumlah 475 pelawat dari luar negara yang terdiri dari negara China, Korea, Iran, Indonesia, Amerika Syarikat, Bangladesh, Kazakhstan, Singapura, Taiwan, Iraq, Oman, Rusia, UK, Vietnam dan New Zealand. Bagi lawatan dalam negara, PNM menerima 82 lawatan dengan jumlah 3,791 pelawat yang bertujuan untuk menimba pengalaman dan kepakaran serta mengadakan penandaarasan berkaitan perkhidmatan perpustakaan.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

JENIS LAWATAN	BILANGAN LAWATAN	BILANGAN PELAWAT
Lawatan Dalam Negeri	82	3,791
Lawatan Luar Negara	29	475
JUMLAH KESELURUHAN	**111**	**4,266**

Program Galakan Membaca

PNM selaku urus setia Program Galakan Membaca Kebangsaan telah melaksanakan pelbagai program/aktiviti galakan membaca dalam memastikan hasrat membudayakan amalan membaca di kalangan masyarakat Malaysia dapat ditingkatkan. Semua program/ aktiviti anjuran PNM yang telah dijalankan ini turut menyokong konsep Gagasan 1Malaysia yang menjadi asas perpaduan rakyat yang menjadi salah satu agenda penting negara. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 11 Program Membaca 1Malaysia telah dilaksanakan dengan penyertaan sebanyak 1.2 juta peserta / penonton televisyen yang terdiri daripada golongan warga emas, dewasa, remaja dan kanak-kanak di seluruh negara. PNM dengan kerjasama Persatuan bagi Orang Buta Malaysia telah melantik Puan Norhashimah Hashim, seorang guru buta sebagai Ikon Membaca Kebangsaan Golongan Kurang Upaya pada Jun 2013. Pemilihan Puan Norhashimah Hashim dilihat tepat kerana beliau merupakan seorang yang amat gemar membaca serta telah berjaya menulis beberapa buku dalam braille.

Program Pembudayaan Tulisan Jawi

PNM juga memainkan peranan dalam usaha meningkatkan tahap penghayatan pembudayaan Tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat melalui program Semarak Jawi. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 10 aktiviti dengan penyertaan seramai 33,591 pengunjung telah dijalankan dengan jayanya dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia serta agensi seperti JAKIM, IKIM, DBP dan Perpustakaan Awam Negeri.

Pemusatan Kaunter Perkhidmatan

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) adalah sebagai peneraju dan pemimpin kepada bidang kepustakawanan di negara ini. Kualiti dan sistem penyampaian perkhidmatan awam sentiasa dipertingkatkan seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Pemusatan kaunter yang diurus selia secara cekap dan berkesan mampu memberi impak yang besar dalam meningkatkan keberkesanan perkhidmatan yang disediakan. Semua isu, permasalahan, maklum balas dikaji dan dianalisa untuk penambahbaikan dan transformasi ke arah kecemerlangan perkhidmatan di Perpustakaan Negara Malaysia. Melalui pemusatan kaunter juga, ia menyumbang kepada implikasi pengurangan kakitangan yang bertugas daripada 34 orang kepada hanya 20 orang dalam 1 hari iaitu pengurangan sebanyak 41.2% secara keseluruhan. Perbezaan ketara juga dapat dilihat melalui jumlah kakitangan kaunter perkhidmatan di Anjung Bestari, PNM daripada 20 orang sehari kepada hanya 8 orang iaitu pengurangan 60%, melalui 7 kaunter yang dipusatkan kepada hanya 3 kaunter.

Peranan PNM dalam Menyokong Agenda Transformasi Negara

Dalam usaha menyokong Agenda Transformasi Negara untuk menyediakan masyarakat berilmu, PNM tidak ketinggalan dalam menyediakan perkhidmatan sumber digital menerusi Portal PNM @Digital (www.pnm digital.gov.my) yang diakses pada setiap masa dari dalam dan luar premis PNM. Portal ini mengandungi pelbagai sumber elektronik (e-buku, e-majalah dan sebagainya) yang terdapat di PNM serta menyediakan pautan kepada sumber-sumber elektronik yang terdapat di dalam dan luar negara menerusi pangkalan data yang dilanggan. Semenjak portal tersebut dilancarkan pada Mei 2012, sebanyak 4,925 pengguna telah berdaftar sebagai ahli dalam talian manakala 64,345 pelawat telah melayarinya.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Berikut adalah statistik keahlian PNM, pengunjung, pinjaman bahan, pengguna perkhidmatan serta perolehan koleksi PNM bagi tahun 2013.

LAPORAN PENCAPAIAN STATISTIK PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2011-2013

PARAMETER	TAHUN 2011	TAHUN 2012	TAHUN 2013	KUMULATIF
KEAHLIAN BERDAFTAR	**78,272**	**62,038**	**65,786**	**1,128,103**
a. Kanak-Kanak	6,076	6,253	7,452	163,366
b. Dewasa	72,196	55,785	58,334	964,737
PENGUNJUNG	**423,166**	**420,171**	**357,653**	-
a. Kanak-Kanak	84,917	72,120	39,097	-
b. Dewasa	338,249	348,051	318,097	-
PINJAMAN BAHAN	**1,034,517**	**1,203,467**	**1,083,279**	-
a. Kanak-Kanak	548,674	711,936	491,693	-
b. Dewasa	485,833	492,222	591,586	-
PENGGUNA PERKHIDMATAN	**274,665**	**291,317**	**283,102**	-
a. Perkhidmatan Maklumat Malaysiana	119,757	144,652	148,807	-
b. Perkhidmatan Maklumat Umum	59,216	55,819	67,006	-
c. Perkhidmatan Digital	57,931	65,476	39,698	-
d. Perkhidmatan Zon Siber	33,133	23,578	25,534	-
e. Perkhidmatan Manuskrip	283	246	229	-
f. Perkhidmatan Pakar Maklumat	4,345	2,546	1,828	-
PEROLEHAN KOLEKSI	296,908	281,704	287,437	-
a. Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986	192,733	201,773	201,479	-
b. Pembelian	100,804	76,834	83,278	-
c. Hadiah dan Pertukaran	3,371	3,097	2,710	-

Nota: Jumlah keahlian PNM Digital sehingga Disember 2013 ialah **15,204** orang manakala jumlah pelawat yang melayari PNM Digital sehingga tarikh berkenaan adalah **205,614** orang

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Pembangunan Modal Insan

Seramai 455 (100%) orang pegawai dan kakitangan PNM telah menghadiri kursus/ seminar/ bengkel dan ceramah sepanjang tahun 2013. Manakala seramai 32 orang pelajar daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT)/ Badan Berkanun (DBP dan Perpustakaan UiTM Shah Alam) telah menjalani latihan praktikal dan penempatan di PNM. Sebanyak 61 kursus/ seminar/ bengkel dan ceramah yang terdiri daripada 20 kursus generik, 38 kursus fungsional dan 3 ceramah telah dilaksanakan oleh PNM sepanjang tahun 2013.

Penerbitan PNM

PNM telah menerbitkan tujuh (7) judul terbitan dalam bentuk bercetak iaitu Pulo Ka Satu: Travelog Pulau Buton, Dasar dan Garis Panduan Pendigitalan Koleksi PNM, Laporan Tahunan PNM 2012, Katalog Terbitan PNM 2013, Perangkaan Perpustakaan di Malaysia 2012, Sekitar Perpustakaan dan Bibliografi Monarki Malaysia. Selain itu, PNM juga telah menghasilkan dua (2) penerbitan dalam talian iaitu Pustaka: Buletin PNM dengan tiga (3) edisi keluaran dan Sari Pustaka sebanyak empat (4) edisi keluaran.

PERISTIWA PENTING

PERPUSTAKAAN
NEGARA REPUBLIK INDONESIA

PERISTIWA PENTING

11 Januari 2013

YBhg Dato' Seri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara merasmikan Program Mari Membaca 1Malaysia: Bacalah Manjaku di Auditorium, Hospital Putrajaya.

15 Februari 2013

Sumbangan bahan bacaan sempena Program Perluasan Siaran RTM Ke Perkampungan Masyarakat Orang Asli di DUN Klawang, Parlimen Jelebu oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

19-23 Mac 2013

DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis telah menyempurnakan Program Keunggulan Naskhah Lama dan Artifak Menerusi Kegemilangan Melayu di Perpustakaan Negara Malaysia Negeri Perlis.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

23 April 2013

Hari Buku Sedunia yang disambut setiap tahun pada tanggal 23 April sejak tahun 1995 telah dinobatkan oleh UNESCO sebagai Hari Buku Sedunia. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM di Perpustakaan Negara Malaysia.

2 Mei 2013

Dr. Yang Quee Yee menerima Anugerah Khas Penyusun daripada YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim bagi Kamus Sarjana Bahasa Cina-Melayu Terkini.

27 Jun 2013

YBhg Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM melancarkan Program Mari Membaca 1Malaysia: Bacalah…Kamu Sinar Hidupku di Dewan Ismail Md. Salleh, Kompleks MAB, Kuala Lumpur.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

4 Julai 2013

Perasmian Konvensyen Perpustakaan SeMalaysia 2013 oleh YBhg. Dato' Dr. Ismail Alias, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) di Auditorium, INTAN Kampus Utama, Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

27 Ogos 2013

YBhg. Datuk Haji Ab. Ghaffar A.Tambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melepaskan konvoi Jalur Gemilang sempena Program Kibar Jalur Gemilang dan Majlis Rumah Terbuka Ceria Merdeka Raya Perpustakaan Negara Malaysia.

30 September 2013

Para pemenang Pertandingan Mencipta Buku Skrap Multimedia Kemerdekaan bersama Encik Toh Swee Hoe, Ketua Pegawai Kawal Selia Industri SKMM di Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

3 Oktober 2013

Majis penyampaian hadiah oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia di Majlis Anugerah Buku PNM-RTM 2013 di Auditorium Perdana, Angkasapuri, Kuala Lumpur.

16 November 2013

YBhg. Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Pengerusi I&P Group telah menyempurnakan Majlis Perasmian Perpustakaan Awam Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

6 Disember 2013

YBhg. Datuk Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bersama peserta Program Mari Membaca 1Malaysia @ KPK.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

AKTIVITI PENGURUSAN

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah, Timbalan Pengarah dan Ketua Bahagian.

Struktur Organisasi Jabatan terbahagi kepada 3 program dan 7 aktiviti berikut:

Program Pengurusan

- Aktiviti Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
- Aktiviti Perancangan dan Perhubungan Korporat

Program Pembangunan Perpustakaan

- Aktiviti Prasarana Ilmu dan Maklumat
- Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian

Program Perkhidmatan Maklumat

- Perkhidmatan Maklumat Malaysiana
- Perkhidmatan Maklumat Umum
- Perkhidmatan Perpustakaan Digital Nasional

Di samping itu, terdapat 22 Bahagian (Sub-aktiviti). Setiap aktiviti diketuai oleh Pengarah dan Bahagian pula diketuai oleh Timbalan Pengarah, Ketua Bahagian atau Penolong Pengarah. Bahagian-bahagian ini menjalankan pelbagai fungsi yang berlainan ke arah mencapai objektif dan matlamat Perpustakaan Negara Malaysia.

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia mengandungi 4 unit yang menjalankan 4 fungsi, iaitu:

- Khidmat Pengurusan
- Pengurusan Sumber Manusia
- Perancangan Sumber Manusia
- Kewangan

Khidmat Pengurusan

Fungsi utama Unit Khidmat Pengurusan adalah urusan pentadbiran Jabatan yang bertanggungjawab merancang dan menguruskan pentadbiran Jabatan, mengurus penyelenggaraan dan pembaikan di Jabatan, sewaan kemudahan Jabatan, memantau keselamatan bangunan milik Jabatan, mengurus kenderaan Jabatan, mengurus fail dan rekod Jabatan, mengurus harta dan aset Jabatan, mengurus pelupusan dan hapuskira serta menguruskan stor Jabatan.

Penyenggaraan Bangunan

Penyenggaraan bangunan dijalankan oleh syarikat swasta iaitu ZKA Engineering Sdn. Bhd. yang dilantik secara kontrak dari 1 April 2012 hingga 30 Jun 2012. Mulai 1 Julai 2012 hingga 30 Jun 2014, penyenggaraan bangunan ini kemudiannya diambil alih oleh Syarikat Iras Tulin Sdn. Bhd. Kerja-kerja penyenggaraan bangunan meliputi semua kerja-kerja sivil, mekanikal dan elektrik. Sepanjang tahun 2013, Jabatan telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil bangunan, pengindahan kawasan dan menjalankan kerja-kerja penambahbaikan kemudahan-kemudahan untuk staf dan pengguna perpustakaan.

Keselamatan Jabatan

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia adalah sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Keselamatan Jabatan dan terdapat 3 jawatankuasa lain dibawahnya, iaitu:

- Jawatankuasa Mencegah Kebakaran
- Jawatankuasa Pelan Kontingensi
- Jawatankuasa Pertolongan Cemas

Urusan keselamatan bangunan dan kawasan sekitarnya diberi kepada Syarikat Perisai Bernas.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Pengurusan Sumber Manusia

Pada tahun 2013, Perpustakaan Negara Malaysia diluluskan sebanyak 512 jawatan pelbagai gred dan skim perkhidmatan yang dikategorikan seperti di Jadual I.

PERJAWATAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KUMPULAN	JUMLAH JAWATAN	JUMLAH PENGISIAN
Pengurusan Tinggi	2	2
Pengurusan Profesional	142	136
Kumpulan Sokongan	368	356
JUMLAH	**512**	**494**

Jadual I

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara merupakan Ketua Perkhidmatan kepada lima (5) skim Perkhidmatan seperti berikut:

Pustakawan : 132 jawatan
Penolong Pustakawan : 51 jawatan
Pembantu Perpustakaan : 148 jawatan
Pembantu Am Pejabat : 62 jawatan
Pemandu Kenderaan : 13 jawatan

Manakala Skim Perkhidmatan lain merupakan jawatan kader dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Akauntan Negara, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perangkaan, Jabatan Penerangan dan Jabatan Penyiaran Malaysia.

Unit Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia bertanggungjawab dalam menguruskan pelantikan (bagi jawatan-jawatan tertentu), penempatan dan pertukaran, pengesahan taraf berpencen, kenaikan pangkat, pergerakan gaji tahunan, urusan tatatertib dan persaraan.

Perpustakaan Negara Malaysia juga menempatkan pegawai dalam Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan di bawah Kader Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia. Jumlah pegawai yang ditempatkan di Kementerian / Jabatan Kerajaan Persekutuan adalah seperti di Jadual II.

Bagi Jawatan Kader Perpustakaan Negara Malaysia, Jabatan ini hanya menguruskan penempatan, pertukaran, perlepasan jawatan dan kenaikan pangkat sahaja, manakala urusan perkhidmatan yang lain diuruskan sendiri oleh agensi - agensi berkenaan.

Perancangan Sumber Manusia

Unit ini bertanggungjawab untuk menguruskan semua perkara yang berkaitan dengan urusan Perancangan Sumber Manusia seperti berikut:

- Perancangan keperluan tenaga manusia secara optima untuk Jabatan melalui proses Penstrukturan Semula Perjawatan PNM.

  Melalui proses ini, Unit Perancangan Sumber Manusia selaku urus setia akan merancang dan menguruskan mesyuarat serta perbincangan di kalangan Pengurusan Tertinggi PNM bagi mendapatkan idea dan cadangan keperluan jawatan yang boleh memantapkan organisasi PNM.

- Pembangunan Sumber Manusia

  Kerajaan sentiasa menghargai perkhidmatan yang telah diberikan oleh semua penjawat awam. Oleh yang demikian, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang diwujudkan bagi memberi penghargaan pada penjawat awam yang berkelayakan mengikut syaratyang ditetapkan. Sehubungan itu, Unit ini selaku urus setia Panel Pembangunan Sumber Manusia PNM bertanggungjawab menyelaras urusan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Prestasi Tahunan (LNPT) kakitangan PNM dengan memastikan kakitangan PNM selesai melaksanakan SKT dan LNPT bagi membolehkan urusan mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia tersebut dapat dilaksanakan setiap awal tahun bagi proses pemilihan calon Anugerah Khidmat Cemerlang PNM. Selain itu, juga Panel Pembangunan Sumber Manusia akan memberikan cadangan kursus yang bersesuaian kepada kakitangan yang tidak mencapai produktiviti yang sewajarnya.

- Perjawatan

  - Perpustakaan Desa PNM di Seluruh Negara

    Selaras dengan mengalakkan masyarakat yang berilmu dan memberikan perkhidmatan ilmu sepanjang hayat di mana jua, sebanyak 574 Perpustakaan Desa (PD) di bawah pengurusan PNM yang diwujudkan melalui projek khas yang diluluskan oleh kerajaan pada tahun 2005, 2006 dan 2007. Sebagai pusat sosial yang memanfaatkan masyarakat setempat di kawasan luar bandar, pelbagai

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

koleksi dan jenis bahan bacaan, alat kelengkapan komputer bagi mengikut keperluan dan teknologi semasa dan ruang serta perabot yang bersesuaian untuk kegunaan masyarakat setempat disediakan. Malah, selaras dengan penubuhan PD tersebut juga, peluang pekerjaan juga dapat diperolehi oleh rakyat iaitu dengan perjawatan yang telah diluluskan dan dilaksanakan iaitu jawatan *Contract of Service* selama setahun bagi mengendalikan PD di seluruh negara. Skim perjawatan yang telah diluluskan melibatkan tiga (3) skim iaitu:

(i) 141 jawatan Penolong Pustakawan Gred S27 yang bertugas untuk menyelia mengikut zon yang telah ditetapkan
(ii) 475 jawatan Pembantu Perpustakaan Gred S17
(iii) 475 jawatan Pembantu Am Pejabat Gred N1

Sehubungan itu, Unit Perancangan dan Sumber Manusia bertanggungjawab dalam menyelaras dan menguruskan perjawatan PD agar perkhidmatan yang berterusan dapat diberikan kepada rakyat.

SENARAI PERJAWATAN DI JABATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA SEHINGGA DISEMBER 2013

JAWATAN	GRED	JAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Kumpulan Pengurusan Tertinggi				
Pustakawan	JUSA B	1	1	0
	JUSA C	1	1	0
JUMLAH		2	2	0
Kumpulan Pengurusan dan Profesional				
Pustakawan	S54	8	7	1
	S52	4	2	2
	S48	28	24	4
	S44	36	33	3
	S41	226	225	1
Pegawai Perpustakaan (KUP) Jawatan Hakiki Pustakawan Gred S41	S48	3	3	0
	S44	6	6	0
JUMLAH		311	300	11
Kumpulan Sokongan				
Penolong Pegawai Perpustakaan	S38	3	3	0
	S32	34	33	1
	S27	210	209	1
JUMLAH		247	245	2
Pembantu Perpustakaan	S26	2	2	0
	S22	108	93	15
	S17	964	950	14
JUMLAH		1,074	1,045	29
JUMLAH KESELURUHAN		1,634	1,592	42

Jadual II

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2013 PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

1. **FADHILAH AINI BINTI MD YUSOF**
   Pustakawan S48
2. **NORHAFIZAH BINTI ASADDOK**
   Akauntan W41
3. **KHAMSIAH BINTI ABDUL AZIZ**
   Pegawai Teknologi Maklumat F41
4. **FARAH ALIZA BINTI ABD AZIZ**
   Pustakawan S41
5. **SITI DIANA BINTI DAHLAN**
   Pustakawan S41
6. **NOR AZLIN BINTI SAHAMED**
   Pustakawan S41
7. **AIDAYASMALIZAY BINTI ISMAIL**
   Pustakawan S41
8. **MARSILA BINTI AHMAD**
   Pustakawan S41
9. **ZULIANA BINTI AB RASHID**
   Pustakawan S41
10. **MOHAMAD RAZALI BIN ABU BAKAR**
    Pustakawan S41
11. **NOR SHAMSINAR BINTI BAHAROM**
    Pustakawan S41
12. **MACHITA BINTI OTHMAN**
    Penolong Pustakawan S32
13. **MUHAMMAD AZIZI BIN MUHAMAD RANI**
    Penolong Pustakawan S27
14. **SUM THING**
    Penolong Pustakawan S27
15. **ISHAK BIN AWANG**
    Penolong Pustakawan S27
16. **SURAYA BINTI OMAR**
    Penolong Pustakawan S27
17. **NORDIANA BINTI AHMAD TAJUDDIN**
    Penolong Pustakawan S27
18. **KALTHOM BINTI KASSIM**
    Penolong Pustakawan S27
19. **KHADIBAH BINTI MISDI**
    Pembantu Tadbir (P/O) N22 (KUP)
20. **ZUBAIDAH BINTI MD YUSOF**
    Pembantu Tadbir (P/O) N22 (KUP)
21. **RODZIAH BINTI CHE OMAR**
    Pereka B22 (KUP)
22. **WAN JUZLINA BINTI WAN AB JAMIL**
    Pembantu Perpustakaan S17
23. **NOORSYAHIZA BINTI MOHD SHARIF**
    Pembantu Perpustakaan S17
24. **MARIATI BINTI CHE PA**
    Pembantu Perpustakaan S17
25. **VITHYA A/P SOKALINGAM**
    Pembantu Perpustakaan S17
26. **SURIATIE BINTI AHMAD KASIN**
    Pembantu Perpustakaan S17
27. **FAIZAL BIN ABD MANAP**
    Pembantu Perpustakaan S17
28. **SUZEANITA ZILLA BINTI DAROLAKHIAR**
    Pembantu Perpustakaan S17
29. **COESHELA ANAK RANGED**
    Pembantu Perpustakaan S17
30. **NURUL HUDA BINTI AHMAD ZAINUDDIN**
    Pembantu Perpustakaan S17
31. **JUSNIYATI BINTI BUSTAMI**
    Pembantu Perpustakaan S17
32. **MOHD FOUZI BIN MUHAMAD**
    Pemandu Kenderaan H11
33. **MUHAMAD SUHAIZAN BIN ABDULLAH**
    Pembantu Operasi N11
34. **AHMAD FIRDAUS BIN MAT RAIS**
    Pembantu Operasi N11
35. **SUHAIZAH BINTI ALI**
    Pembantu Operasi N11
36. **MOHD HAFIZI BIN MOKHTAR**
    Pembantu Operasi N11
37. **WAN AZEMI BIN AHMAD**
    Pembantu Operasi N11

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Pendahuluan

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM), Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab dalam mengendalikan Program Pembangunan Sumber Manusia yang merangkumi kursus, bengkel, ceramah, seminar dan peperiksaan untuk meningkatkan kompetensi diri, kerjaya dan kecemerlangan kakitangan PNM. Program latihan yang dirancang adalah khusus untuk kakitangan PNM. Walau bagaimanapun penyertaan terbuka kepada anggota Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan (PGP), Badan Berkanun, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Sektor Swasta.

Pelaksanaan Program Latihan

Pada tahun 2013, BPSM telah diperuntukkan sejumlah RM 418,500.00 di bawah Objek Sebagai (OS) 29000. Program latihan yang telah dilaksanakan adalah mengikut pecahan berikut:

Kursus/Bengkel/Ceramah anjuran Jabatan

BPSM telah menganjurkan 58 kursus/ bengkel/ ceramah dengan perbelanjaan sejumlah RM 256,631.19.

- 43 kursus yang dirancang (RM 210,356.19).
- 15 kursus yang tidak dirancang (ad- hoc) (RM 46,275.00).

Kursus/Bengkel/Ceramah Di Luar Jabatan

Jabatan telah menghantar seramai 65 pegawai menyertai sebanyak 31 kursus/ bengkel/ ceramah di luar Jabatan melibatkan perbelanjaan sejumlah RM 46,275.00 Kursus/ bengkel/ ceramah adalah seperti berikut:

- *Workshop on Gaining from Diversity*, Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur (13 hingga 14 Februari 2013).
- Bengkel Terjemahan Teks Ucapan Menteri, BERNAMA (20 hingga 21 Februari 2013).
- Bengkel *Communication Excellence for Library & Information Services*, Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya (3 hingga 4 April 2013).
- Persidangan Pembantu Akauntan Sektor Awam Kali ke-5 Tahun 2013, Hydrol Hotel, Pulau Pinang (8 hingga 10 April 2013).
- *Implementing Knowledge Management in Libraries Professionals*, Hotel de Palma, Ampang, Selangor (23 hingga 24 April 2013).
- Bengkel *Adobe Lightroom & Photomatic Pro*, UTM, Kuala Lumpur (8 hingga 9 April 2013).
- Seminar Aspirasi Setiausaha 2013, Swiss Garden Hotel, Kuala Lumpur (28 hingga 30 April 2013).
- Persidangan Hakcipta Kuala Lumpur (KLRC) 2013, Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur (23 April 2013).
- Simposium Kebangsaan Konservasi 2013 "Melestari Khazanah Warisan Negara", Hotel Riverside, Kuching, Sarawak (13 hingga 16 Mei 2013).
- Kursus Penyelenggaraan & Pengukuhan Sistem Pengurusan Kualiti, SIRIM, Shah Alam, Selangor (29 hingga 30 Mei 2013).
- Bengkel Fotografi DSLR (Rules 0f Third) & Pengisian INFRA M1, Petaling Jaya, Selangor (27 hingga 31 Mei 2013).
- Kursus Teknik Menjawab NCR dan Analisa Punca, SIRIM, Shah Alam, Selangor (19 hingga 20 Jun 2013).
- Kursus Penyediaan Tender dan Sebutharga Kerja Bangunan, Hotel Naza Talya, Melaka (4 hingga 6 Jun 2013).
- Bengkel Fotografi Lanjutan, Hotel Grand Season, Kuala Lumpur (26 hingga 27 Jun 2013).
- Bengkel *Adobe Illustrator* Lanjutan, UTM, Kuala Lumpur (1 hingga 2 Julai 2013).

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

- Bengkel Suntingan Video Menggunakan Adobe Premiere, Hotel Grand Season, Kuala Lumpur (3 hingga 4 Julai 2013).
- *Workshop on Metadata Concepts and Guidelines for Collections: Promoting Discoverability and Use,* Hotel Quality, Kuala Lumpur (26 hingga 27 Jun 2013).
- Persidangan Digital Kebangsaan NDC, PICC, Putrajaya (2 hingga 3 Julai 2013).
- *Joint IFLA-IASL,* Universiti Malaya, Kuala Lumpur (24 Ogos 2013).
- Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia 2013, Hotel Mahkota, Melaka (25 hingga 27 Ogos 2013).
- Bengkel Peperiksaan Khas-Ujian Kemahiran, Hotel Bayu Beach, Port Dickson, Negeri Sembilan (26 hingga 28 Ogos 2013).
- Program Pengurusan Buku Rekod Perkhidmatan 2013, Hotel International, Kuala Lumpur (11 hingga 12 September 2013).
- Seminar Kepustakawanan 2013, UNIMAS, Sarawak (26 hingga 27 September 2013).
- *Hands-On Network Forensics,* Hotel Marriot, Putrajaya (10 hingga 11 September 2013).
- *Workshop on Collection Assessment UNITEN,* Bangi, Selangor (10 hingga 11 September 2013).
- *3rd PERPUN International Conference,* Hotel Bayview, Langkawi, Kedah (28 hingga 29 Oktober 2013).
- Kem Bina Insan, Kem Saujana Asahan, Melaka (6 hingga 9 Oktober 2013).
- Seminar *Creative Thinking in Instant Problem Solving,* Hotel Marriot, Putrajaya (2 hingga 3 Oktober 2013).
- Kursus *CISCO Discovery 1,* CIAST, Shah Alam, Selangor (21 hingga 25 Oktober 2013).
- *6th VTLS User Seminar* 2013, UniRazak, Kuala Lumpur (6 hingga 7 November 2013).
- Bengkel *Foundations in Quantitative Data Analysis,* FSKTM, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (18 hingga 19 November 2013).

Kursus Di Luar Negara

Jabatan telah menghantar 15 pegawai PNM bagi menghadiri 10 kursus/ persidangan/ seminar ke luar negara yang melibatkan perbelanjaan sejumlah RM 145,118.00 daripada RM 150,000.00 yang diperuntukkan di bawah One-Off Luar Negara yang disalurkan melalui Kementerian. Senarai persidangan/ kursus yang berkaitan adalah seperti berikut:

- *CONSAL XVI* di Bangkok, Thailand (8 hingga 10 Mei 2013).
- Lawatan Akademik dan Penandaarasan ke Perpustakaan di Negara Australia (19 hingga 27 Mei 2013).
- Penandaarasan dan Penghantaran Manuskrip ke Singapura (2 hingga 4 September 2013).
- *Conference and Chapter Congress FPPTI East* Java, Indonesia (14 hingga 17 September 2013).
- Malaysia Week di London (17 hingga 28 September 2013).
- *OCLC Asia Pacific Regional Council 5th Membership Conference,* Thailand (6 hingga 8 Oktober 2013).
- Projek Pengesanan, Pendokumentasian dan Pendigitalan Manuskrip Melayu di Kemboja dan Vietnam (10 hingga 18 November 2013).
- *6th Digital Library Conference* di Indonesia (12 hingga 14 November 2013).
- *Forum for Asia Library Directors,* Yunnan, China (17 hingga 24 November 2013) dan;
- *Asia Cultural Co-operation Forum (ACCF)* di Sheraton, Hong Kong (14 November 2013).

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Kursus Untuk Petugas Perpustakaan Desa PNM

Sebanyak lima (5) kursus dengan tajuk Pengukuhan Pasukan dan Transformasi Minda ke arah Penyampaian Perkhidmatan Berkualiti telah dilaksanakan kepada petugas Perpustakaan Desa PNM yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM 122,962.00 daripada peruntukan Bahagian Rangkaian Perpustakaan. Seramai 184 Petugas Perpustakaan Desa dari lima (5) Zon telah menyertai kursus ini. Perincian adalah seperti berikut:

- Zon Utara, Felda Residence Trolak (25 hingga 28 Ogos 2013). Penyertaan: 45 Petugas.
- Zon Timur, Merang Suria Resort, Setiu, Terengganu (8 hingga 11 September 2013). Penyertaan: 45 Petugas.
- Zon Sarawak, Damai Rainforest Resort, Santubong, Kuching, Sarawak (6 hingga 9 Oktober 2013). Penyertaan: 30 Petugas.
- Zon Tengah, AnCasa All Suites Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan (28 hingga 31 Oktober 2013). Penyertaan: 42 Petugas.
- Zon Sabah, Kem Biro Tatanegara Kundasang, Sabah (7 hingga 10 November 2013). Penyertaan: 45 Petugas.

Peperiksaan Perkhidmatan

Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) bagi Pembantu Perpustakaan Gred S17, Dewan Cendekiawan, IPPTAR, Angkasapuri Kuala Lumpur (24 hingga 25 April 2013).

  (a) BAHAGIAN III (Penyertaan: 78 Calon)
  (b) BAHAGIAN IV (Penyertaan: 102 Calon)
  (c) BAHAGIAN V (Penyertaan: 84 Calon)

- Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) bagi Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27, Bilik Syarahan 1 dan 2, PNM (26 April 2013). Penyertaan: 45 Calon.
- Ujian Kederasan Menaip (18 p.s.m) bagi Pembantu Tadbir Perkeranian/ Operasi Gred N17 Bil.1/2013, Makmal Komputer, PNM (25 Mac 2013). Penyertaan: 30 Calon.
- Ujian Kederasan Menaip bagi Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) Gred N11 (Hadiah Kenaikan) Bil. 2/2013, Makmal Komputer, PNM (1 Oktober 2013). Penyertaan: 24 Calon.

Program Transformasi Minda (PTM)

Pada tahun 2013, Program Transformasi Minda telah dilaksanakan bagi menggantikan Kursus Induksi Modul Umum dan Khusus. Program ini dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Sepanjang tahun tersebut, 6 orang kakitangan PNM telah menyertai program ini.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Latihan Praktikal dan Penempatan

Pada tahun 2013, BPSM telah menerima seramai 21 orang pelajar daripada pelbagai pusat pengajian/ universiti untuk menjalani Latihan Praktikal dan Penempatan di Perpustakaan Negara Malaysia. Pelajar-pelajar telah ditempatkan di beberapa Bahagian di PNM berdasarkan permohonan yang dibuat. Di antara pusat pengajian/ universiti yang telah menghantar pelajar mereka untuk tujuan ini adalah UiTM, Kolej Polytech Mara, UKM, UNISEL, Kolej Profesional Mara, KUIS, Universitas Indonesia dan Politeknik. Perincian maklumat adalah seperti di Jadual I.

NAMA PELAJAR	PUSAT PENGAJIAN/ UNIVERSITI	TARIKH LATIHAN/ PENEMPATAN
Nurhidayah binti Damanhuri Nur Syuhada Binti Anwar Norsyanimi Binti Mat Hussin	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	4 Februari hingga 4 April 2013
Nor Hayati Binti Mohamad Yusof Norfaezah Binti Mohd Nur	Universiti Selangor (UNISEL)	2 Januari hingga 20 April 2013
Nur Farah Ain Binti Mohd Sahrizan Kang	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	1 Julai hingga 23 Ogos 2013
Suhaila Binti Mohamed	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	1 Julai hingga 30 Ogos 2013
Raja Elyas Bin Alyaqin	Kolej Profesional Mara Indera Mahkota	1 Julai hingga 20 September 2013
Nafisah Nadia Binti M. Hussein	KUIS	17 Jun hingga 17 September 2013
Muhamad Umar Bin Abdul Aleem Sidek	Politeknik Sultanah Bahiyah - Kulim	17 Jun hinga 17 September 2013
Siti Syahieda Binti Yussof Siti Nor Hazimah Binti Kamarulzaman Nazirah Binti Mohd Rajab Nur Farizah Binti Musa Nirfarahana Binti Mohamad Saroni Syarifah Azmirina Binti Syed Baniamin Syakiela Binti Mohd Sabri Suhaila Binti Surani	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	22 Julai hingga 20 September 2013
Syafiqah Binti M Suwarno	KUIS	9 Disember 2013 hingga 9 Mac 2014
Noor Diana Sharina Binti Azman Nordin	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	1 Oktober hingga 26 Disember 2013
Azrianah Binti Ahmad	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	1 Oktober hingga 26 Disember 2013

Jadual I

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Pencapaian Kehadiran Latihan Kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia

GRED/ KUMP	BIL K/TANGAN	KURSUS PENDEK						BIL K/TANGAN HADIR KURSUS PJG >3 BLN	%
		HADIR > 7 HARI	%	HADIR < 7 HARI	%	TIDAK BERKURSUS	%		
JUSA	2	2	100	0	0	0	0	0	0
P&P (41-54)	132	124	93.2	8	6.8	0	0	0	0
SOK I (17-40)	247	240	97.2	6	2.4	1	1	0	0
SOK II (1-16)	69	57	83.8	12	17.6	0	0	0	0
JUMLAH	**450**	**423**	**94**	**26**	**5.8**	**1**	**0.2**	**0**	**0**

Pencapaian kehadiran latihan kakitangan PNM pada tahun 2013 adalah seperti di Jadual II dan Carta I.

Jadual II

Jadual II dan Carta I, menunjukkan peratusan kehadiran latihan kakitangan PNM pada tahun 2013 yang melebihi 7 hari adalah 94% atau 423 orang, kurang dari 7 hari pula adalah 5.8% atau 26 orang dan yang tidak berkursus cuma seorang sahaja iaitu 0.2%. Peratusan kehadiran latihan kakitangan PNM sekurang-kurangnya 7 hari berkursus dalam setahun adalah 99.8%.



Carta I

PERANCANGAN DAN PERHUBUNGAN KORPORAT

Pendahuluan

Aktiviti Perancangan dan Perhubungan Korporat mengandungi tiga (3) bahagian iaitu Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat, Bahagian Penyelidikan Perpustakaan (BPP) dan Bahagian Penerbitan. Antara fungsi-fungsi yang dijalankan oleh ketiga-tiga bahagian ini adalah pengurusan mesyuarat, perancangan strategik, Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PNM, Sistem Pengurusan Kualiti, pengurusan parlimen, perhubungan awam, hal-ehwal antarabangsa, dasar awam, penyelidikan perpustakaan, pengumpulan dan analisa data statistik dan penerbitan.

Perancangan dan Dasar Korporat

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PNM

Dalam usaha untuk mengukur prestasi perkhidmatan ke arah pencapaian kualiti perkhidmatan di Perpustakaan Negara Malaysia, beberapa Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama telah difokuskan kepada 15 perkara seperti di muka surat 107-111.

KPI Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) KPKK

Pencapaian KPI Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) adalah seperti di muka surat 112.

Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM

Mesyuarat Lembaga Penasihat telah diadakan sebanyak satu (1) kali bagi tahun 2013 iaitu pada 1 Julai 2013.

Mesyuarat Pengurusan PNM

Mesyuarat Pengurusan PNM merupakan mesyuarat peringkat tertinggi dalam bidang kepustakawanan di PNM. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 10 kali mesyuarat telah diadakan.

Parlimen

Sepanjang tempoh mesyuarat di Parlimen bagi Sidang Dewan Rakyat dan Dewan Negara 2013, sebanyak 6 soalan telah diterima dan dijawab yang meliputi pelbagai jenis soalan.

SIDANG	PERTANYAAN	
	JAWAB LISAN	BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT	1	3
DEWAN NEGARA	1	1

Mesyuarat Pengarah-Pengarah dengan Ketua Pengarah PNM

Sepanjang tahun 2013, sebanyak enam (6) kali Mesyuarat Pengarah-Pengarah dengan Ketua Pengarah PNM diadakan.

Dasar Jabatan

Penggubalan dan pengemaskinian dasar sedia ada PNM amat dititikberatkan memandangkan ia menjurus kepada hala tuju Jabatan. Penggubalan dasar PNM disesuaikan dengan dasar kerjaan sedia ada serta mengambil kira keperluan semasa dalam perkhidmatan perpustakaan dan maklumat. Mesyuarat Dasar PNM telah diadakan sebanyak empat (4) kali pada tahun 2013. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi menyelaras penyediaan dasar baru dan sedia ada PNM selari dengan peranan PNM sebagai peneraju perpustakaan di Malaysia. Sebanyak empat (4) Dasar PNM telah berjaya dibentangkan iaitu Dasar Galakan Membaca PNM, Dasar Khidmat Nasihat dan Perundingan PNM, Dasar Manuskrip Melayu PNM dan Dasar Pendokumentasian Bahan Perpustakaan.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Hubungan Antarabangsa

PNM melalui Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat (BPDK) merupakan *focul point* dan urus setia bagi hal ehwal antarabangsa di Jabatan. Pada tahun 2013, PNM telah menghantar pegawai kanan dan Ketua Pengarah bagi menghadiri beberapa persidangan/ seminar/ mesyuarat, antaranya *IFLA World Library and Information Congress: IFLA General Conference and Assembly, Conference of Directors of National Libraries in Asia Oceania* (CDNLAO), *Congress of Southeast Asians Librarians* (CONSAL), ASEAN-COCI *Subcomittee on Culture Meeting* (ASEAN-SCC), *2013 Forum for Asia Library Directors China* dan program khas *National Library for Children & Young Adults with the ASEAN-Korea Cooperation Fund.*

MS ISO 9001:2008

Sepanjang tahun 2013, pelbagai aktiviti yang melibatkan Sistem Pengurusan Kualiti telah dilaksanakan seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) sebanyak satu (1) kali dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana MS ISO 9001:2008 sebanyak dua (2) kali. Selain daripada itu, lima (5) kali bengkel/ kursus dan satu (1) sesi Taklimat Kesedaran Pelaksanaan MS ISO 9001:2008 dan Audit Pensijilan Semula oleh Audit SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013.

Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK)

Dalam menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan kakitangan juga, sebanyak tiga (3) kumpulan KIK di peringkat Jabatan telah berjaya ditubuhkan bagi tahun 2013.

Portal Jabatan

PNM melalui Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat (BPDK) dan Bahagian Teknologi Maklumat adalah bertanggungjawab bagi pengurusan portal Jabatan di bawah Jawatankuasa Kerja Pengurusan Portal PNM (Kandungan). Pada tahun 2013, PNM telah dianugerahkan dengan Penarafan 5 Bintang (5 Star Rating) bagi Pengurusan Laman Portal / Web Jabatan Kerajaan melalui *Malaysia Government Portals and Web Assessment* (MGPWA).

Liputan Media

Perpustakaan Negara Malaysia juga telah mendapat liputan media yang merangkumi media cetak dan media elektronik. Sebanyak 262 liputan daripada media cetak dan elektronik, manakala sebanyak 57 liputan bagi media massa (radio / televisyen) untuk majlis yang dianjurkan oleh PNM.

Lawatan Rasmi dan Berpandu

Sepanjang tahun 2013, Perpustakaan Negara Malaysia telah menjalankan lawatan rasmi dan berpandu sebanyak 111 yang merangkumi lawatan dalam negeri sebanyak 82 dan luar negara sebanyak 29. Seramai 3,791 orang pelawat dari dalam negeri manakala seramai 475 pelawat luar negara telah diterima dari pelbagai agensi seperti jabatan kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah dan orang awam.

Penyelidikan Perpustakaan

Sepanjang tahun 2013, BPP telah melaksanakan enam (6) kajian penyelidikan dalam bidang perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di dalam dan luar Jabatan iaitu :

- Kajian Keberkesanan Perisian K-Jawi
- Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)
- Kajian Pelaksanaan Literasi Maklumat dan Media
- Kajian Kelajuan Perkhidmatan Wi-Fi
- Survey Keperluan Pengguna PNM
- Kajian Pembangunan Industri Perbukuan: Status dan Prestasi Penjual Buku di Malaysia

Pengurusan Statistik Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia melalui Bahagian Penyelidikan Perpustakaan juga bertanggungjawab dalam pengumpulan data dan statistik penting seperti bilangan pengunjung, pendaftaran keahlian, koleksi perpustakaan, penggunaan perkhidmatan dan perkhidmatan berasaskan ICT. Pengumpulan data statistik dan penganalisaan dibuat secara bulanan dan perbandingan tahunan.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Pengurusan Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti

Jabatan PNM sentiasa menjalankan proses penilaian semula yang berterusan bagi memastikan prosedur kualiti yang diwujudkan dapat ditambah baik dan memberikan kesan serta impak yang maksima kepada proses kerja dan keperluan pengguna khususnya. PNM melalui BPP telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus dokumen kualiti MS ISO 9001:2008 Jabatan. BPP bertanggungjawab untuk mengawal selia ke atas dokumen kualiti seperti mewujudkan dokumen kualiti, membuat pindaan kepada dokumen kualiti, pelupusan dokumen kualiti, kawalan ke atas dokumen sokongan luar dan borang dokumen kualiti. Sepanjang tahun 2013 sebanyak 16 pindaan prosedur kualiti merangkumi sepuluh (10) pindaan prosedur dan enam (6) pindaan borang telah dipinda serta dikemas kini setelah diluluskan.

Penerbitan

Penerbitan merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan oleh PNM dalam usaha menyebar luas maklumat kepada masyarakat. Sebanyak tujuh (7) penerbitan telah diterbitkan oleh PNM pada tahun 2013.

Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM)

Penganjuran Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) adalah satu keunikan Malaysia yang mampu mempertingkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang tanggungjawab memelihara, mengukuh dan mengekalkan keharmonian rakyat yang berbilang kaum. Juga merupakan salah satu usaha kerajaan melalui Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) untuk mempertingkatkan kesedaran betapa pentingnya saling hormat-menghormati dan bertolak ansur dalam kehidupan masyarakat majmuk.

Sepanjang tahun 2013, PNM melalui Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat dan Bahagian Penyelidikan Perpustakaan telah terlibat dalam penganjuran MRTM dengan menganggotai Jawatankuasa Kerja Jamuan bagi Tetamu Kehormat dan Khalayak.

TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
16 Februari	MRTM Tahun Baru Cina	Taman Puchong Utama, Puchong, Selangor.
30 Jun	MRTM Tadau Kaamatan	Kompleks JKKN, Kota Kinabalu, Sabah.
30 Ogos	MRTM Aidilfitri Raya Merdeka	Stadium Hang Tuah, Melaka.
9 November	MRTM Deepavali	Dataran Bandaraya, Johor Bahru, Johor
25 Disember	MRTM Krismas	Padang Kota Lama, Pulau Pinang.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

AKTIVITI PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT

Rangkaian Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertanggungjawab dalam memastikan pembangunan prasarana perpustakaan awam di seluruh negara. Ia bertujuan untuk menggalakkan rakyat Malaysia membaca serta membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dengan memudahkan akses kepada sumber ilmu dan maklumat melalui satu rangkaian dan infrastruktur perpustakaan yang terancang. Sehingga Disember 2013, terdapat beberapa program dan projek perpustakaan yang telah dilaksanakan seperti berikut:

Projek Pembangunan Perpustakaan di Bawah Rancangan Malaysia ke-10

- Pembelian Premis Perpustakaan Digital Tasek Gelugor, Pulau Pinang telah selesai dilaksanakan pada 9 April 2013 dengan mendapat peruntukan di bawah *"Rolling Plan"* Pertama RMK-10 (2011-2012) sebanyak RM1.5 juta. Perkhidmatan perpustakaan telah mula beroperasi pada 10 Oktober 2013.

Pembinaan Perpustakaan Desa (PD)

Pada 30 Disember 2012, PNM telah menerima sumbangan sebuah PD daripada YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia sempena lawatan kerja di Rancangan Tanah Pinggir (RTP) Paya Mak Inson, Pendang, Kedah. PD ini telah siap dibina pada 15 Disember 2013 dan dikenali sebagai PD Bukit Mak Inson.

Pada penghujung tahun 2013, sebanyak 3 buah PD telah siap dibina di Sabah iaitu:

- PD Kampung Batu 58, Beaufort
- PD Kampung Rancangan Klias, Beaufort
- PD Kampung Kebimbangan, Semporna

PD Kampung Rancangan Klias, Beaufort

Laporan Penyelenggaraan Perpustakaan Desa

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 85 buah PD di seluruh negara telah dibaik pulih yang melibatkan kos sebanyak RM 1,210,682.00. Antara kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan adalah seperti:

- Pembaikan bangunan seperti bumbung, siling dan dinding
- Perparitan
- Sistem kumbahan
- Mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan bangunan
- Pendawaian elektrik dan
- Penyelenggaraan peralatan ICT

Laporan Perjawatan Perpustakaan Desa

- Sehingga Disember 2013, sebanyak 126 orang Penyelia Perpustakaan (Penolong Pegawai Perpustakaan, Gred S27 - Kontrak) daripada 141 perjawatan telah diisi. Sehingga kini, hanya terdapat 15 jawatan yang masih kosong.

- Manakala, bagi jawatan Pembantu Perpustakaan, Gred S17 (Kontrak) pula, sebanyak 410 jawatan daripada 475 jawatan telah diisi iaitu:

  (i) 382 berstatus Kontrak
  (ii) 28 berstatus Pegawai Singkat Harian (PSH)

  Sebanyak 65 perjawatan yang masih belum diisi.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Latihan Petugas Perpustakaan Desa

Sepanjang tahun 2013, seramai 195 orang Pembantu Perpustakaan (Gred S17) dan Pembantu Am Pejabat (N1) telah terpilih untuk mengikuti Kursus Pengukuhan Pasukan dan Transformasi Minda ke arah Perkhidmatan Berkualiti untuk Perpustakaan Desa. Latihan ini telah dibahagikan kepada 5 zon/ kumpulan:

Zon	Tempat	Tarikh	Bil Peserta
Zon Utara	Felda Trolak, Perak	25-28 Ogos 2013	45
Zon Timur	Suria Merang, Terengganu	8-11 September 2013	45
Zon Tengah	AnCasa Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan	28-31 Oktober 2013	45
Zon Sarawak	Permai Rainforest, Sarawak	6-9 Oktober 2013	30
Zon Sabah	Biro Tata Negara Sabah	6-9 Oktober 2013	30

Laporan Aktiviti Galakan Membaca Perpustakaan Desa

Bagi tahun 2013, sebanyak RM 538, 800.00 telah diperuntukkan bagi melaksanakan aktiviti galakan membaca di 481 buah PD di seluruh negara. Sebanyak 33,384 aktiviti galakan membaca telah berjaya dilaksanakan. Di antara aktiviti yang dilaksanakan adalah sesi bercerita, mewarna, melukis, origami, kraftangan, *infohunt* dan literasi maklumat serta ulasan buku.

Laporan Aktiviti Galakan Membaca

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 38,631 aktiviti galakan membaca telah dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Desa, Pusat Sumber Kementerian, Jabatan dan Agensi dengan 1,550,851 orang penyertaan. Daripada jumlah itu, Perpustakaan Negara Malaysia melalui Bahagian Gerakan Literasi Maklumat telah berjaya menjalankan 37 program dengan penyertaan seramai 768,771 orang.

STATISTIK KESELURUHAN PROGRAM/ AKTIVITI GALAKAN MEMBACA 2013

Nama Institusi	Jumlah Aktiviti	Jumlah Peserta/ (orang)
Agensi Kerajaan / Swasta		
1.1 Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan	501	15,416
Institut Pengajian		
2.1 Sekolah Rendah	1	788
2.2 Institut Perguruan	60	2,780
2.3 Politeknik	95	25,615
2.4 Kolej Matrikulasi	65	9,520
2.5 Institut Kemahiran	9	1,530
2.6 Kolej Komuniti	7	616
Perpustakaan Awam Negeri	5,589	20,0629
Perpustakaan Desa	32,267	52,5186
Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)	37	76,8771
JUMLAH	**38,631**	**1,550,851**

STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI (PAN) DI SELURUH MALAYSIA

Negeri	2013	
	Bilangan Aktiviti	Bilangan Penyertaan (Orang)
Johor	Tiada Rekod	
Kedah	22	8304
Kelantan	163	4831
Melaka	1081	57077
Negeri Sembilan	358	-
Pahang	1,664	72,735
Perak	2,021	39,201
Perlis	44	24,350
Pulau Pinang	Tiada Rekod	
Sabah	153	15,773
Sarawak	1,671	66,335
Selangor	2,629	57,876
Terengganu	107	8,578
W.P.Labuan	13	530
JUMLAH	**5,589**	**200,629**

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN DESA (PD) PNM

Negeri	Bil. PD	Bilangan Aktiviti	Bilangan Penyertaan (Orang)
Johor	37	847	14,331
Kedah	56	4,291	49,799
Kelantan	33	2,988	46,450
Melaka	28	2,673	51,312
Negeri Sembilan	60	3,032	50,380
Pahang	32	2,890	66,425
Perlis	37	2,166	18,800
Perak	42	2,416	36,561
Pulau Pinang	33	2,473	42,956
Sabah	48	1,876	31,446
Sarawak	36	1,361	25,952
Selangor	16	1,478	13,977
Terengganu	39	3,710	74,956
WP Labuan	3	66	1,841
JUMLAH	**500**	**32,267**	**525,186**

STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA INSTITUSI-INSTITUSI LAIN

Institusi	Jumlah Aktiviti	Jumlah Penyertaan
KEMENTERIAN		
Kementerian Kesihatan Malaysia	10	700
Kementerian Pertahanan	7	0
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	2	136
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	29	1,022
Kementerian Pertahanan Malaysia	1	100
Kementerian Dalam Negeri	4	600
Kementerian Wilayah Persekutuan	6	250
JABATAN		
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri	9	502
Jabatan Alam Sekitar	6	300
Jabatan Peguam Negara	80	3,239
Jabatan Arkib Negara Malaysia	10	723
Jabatan Kerja Raya	3	650
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia	6	0
Jabatan Perangkaan Malaysia	5	2,372
Jabatan Perdana Menteri	191	3,000
AGENSI		
Agensi Nuklear Malaysia	9	500
PEJABAT PENASIHAT		
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis	1	4
INSTITUT		
Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR)	95	440
Institut Tanah dan Ukur Negara, Tanjung Malim, Perak	10	100
INTAN Bukit Kiara	9	640
POLITEKNIK		
Politeknik Ungku Omar	11	5,523
Politeknik Balik Pulau	10	417
Politeknik Kuala Terengganu	5	1,790
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang	8	3,479
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis	8	7,294
Politeknik Kuching, Sarawak	13	2,084
Politeknik Kota Bharu	35	3,018
Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan	5	2,010
INSTITUT KEMAHIRAN		
Institut Kemahiran Belia Negara Pagoh, Johor	9	1,530
INSTITUT PENDIDIKAN GURU		
Institut Aminuddin Baki	4	156
Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan	11	761
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor	11	272
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Perak	12	0
Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran	10	1,005
Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru	5	500
Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu , Melaka	7	86
HOSPITAL		
Hospital Raja Zainab II	8	138
KOLEJ KOMUNITI		
Kolej Komuniti Bandar Penawar	2	195
Kolej Komuniti Masjid Tanah	5	421
KOLEJ MATRIKULASI		
Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan	5	2,200
Kolej Matrikulasi Perlis	10	2,000
Kolej Matrikulasi Selangor	13	1,808
Kolej Matrikulasi Teknikal Kedah	10	418
Kolej Matrikulasi Teknikal Pahang	4	494
Kolej Matrikulasi Labuan	23	2,600
SEKOLAH		
SK Bandar Temerloh (Integrasi)	1	788
JUMLAH	**738**	**56,265**

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Khidmat Nasihat dan Perundingan

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP) berperanan memastikan kepimpinan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang berterusan dalam pembangunan perpustakaan dan bidang kepustakawanan kepada agensi kerajaan dan bukan kerajaan di dalam negara.

Fungsi Utama Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan

- Melaksana khidmat nasihat mengenai pentadbiran dan pengurusan perpustakaan mengikut standard yang telah ditetapkan.
- Melaksana khidmat perundingan bagi penubuhan perpustakaan atau menaik taraf perpustakaan sedia ada mengikut standard yang telah ditetapkan.
- Mempertingkatkan kualiti pentadbiran dan pengurusan perpustakaan di kalangan Perpustakaan Khusus Perkhidmatan Gunasama melalui sesi mesyuarat pengurusan perpustakaan gunasama.

Khidmat Nasihat

Pada tahun 2013, Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP) telah melaksanakan sebanyak 32 kali aktiviti lawatan khidmat nasihat secara berjadual. Selain lawatan berjadual aktiviti khidmat nasihat juga dilaksanakan menerusi panggilan telefon dan pemohon datang sendiri ke Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Fokus utama BKNP dalam menjalankan khidmat nasihat adalah di kalangan perpustakaan khusus di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di seluruh negara.

Khidmat Perundingan

Sepanjang tahun 2013 Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP) telah melaksanakan sebanyak 3 aktiviti khidmat perundingan. Sebanyak 35 kertas cadangan dan laporan telah disediakan bagi setiap khidmat nasihat dan perundingan yang dilaksanakan. Khidmat perundingan diberikan kepada perpustakaan khusus kerajaan, badan berkanun, swasta, dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berdasarkan kepada permohonan yang diterima.

Mesyuarat dan Konvensyen

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP) telah melaksanakan 4 aktiviti utama meliputi mesyuarat dan konvensyen sepanjang tahun 2013 iaitu :

- Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Sokongan Siri 1/2013 pada 8 hingga 10 April 2013 di Puteri Bayu Beach Resort, Pulau Pangkor, Perak Darul Ridzuan.
- Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Sokongan Siri 2/2013 pada 24 hingga 26 Jun 2013 di Bukit Gambang Resort City, Kuantan, Pahang Darul Makmur.
- Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia 2013 pada 4 Julai 2013 di INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur.
- Mesyuarat Ikhtisas Perpustakaan Gunasama Kumpulan Pengurusan dan Profesional 2013 pada 30 Oktober 2013 hingga 1 November 2013 di Bella Vista Resort & Spa, Pulau Langkawi, Kedah Darul Aman.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada Pustakawan, Penolong Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan yang bertugas di perpustakaan khusus berbincang secara bersemuka dengan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia selaku Ketua Perkhidmatan Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan tentang isu dan masalah pengurusan perpustakaan khusus, memantapkan perkhidmatan perpustakaan di organisasi masing-masing serta memupuk persefahaman dan jalinan kerjasama antara mereka.

Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia 2013

Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia 2013 pada 4 Julai 2013 bertempat di Auditorium INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur dan telah dihadiri seramai 770 orang yang terlibat secara langsung dalam dunia kepustakawanan dari seluruh negara. Objektif konvensyen adalah seperti berikut :

- Meningkatkan kesedaran di kalangan warga perpustakaan berkaitan pembangunan dan perkembangan perpustakaan di Malaysia.
- Menyediakan ruang untuk warga perpustakaan bagi berkongsi ilmu terhadap peranan yang perlu dimainkan secara keseluruhan.
- Mengangkat peranan perpustakaan agar terus relevan dalam pembangunan negara.
- Memberi peluang kepada peserta untuk berinteraksi dengan Ketua Pengarah PNM dalam memartabatkan profesion kepustakawanan.

PEMBINAAN KOLEKSI NEGARA DAN PENDOKUMENTASIAN

Monograf

Sepanjang tahun 2013 sebanyak 19,509 judul bahan monograf meliputi pelbagai disiplin ilmu terbitan dalam negara yang diterima di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)* telah dikatalog dan sebanyak 19,283 judul bahan monograf untuk rujukan dan pinjaman telah dikatalog melalui proses perolehan. Bahan ini terdiri daripada 8,791 judul bahan Malaysiana dan 10,492 judul bahan bukan Malaysiana.

Sebanyak 7,879 judul kertas kerja daripada persidangan dan seminar yang diadakan di Malaysia telah diindeks dan dimasukkan ke dalam pangkalan data dalam talian.

Di bawah Perkhidmatan Pengkatalogan-dalam-Penerbitan (PDP), sebanyak 6,444 entri data PDP bagi judul baru terbitan Malaysia telah disediakan. Sepanjang tahun 2013 sebanyak 675 penerbit baru telah menyertai perkhidmatan ini di mana 65 adalah penerbit kerajaan dan 610 lagi adalah penerbit bukan kerajaan.

Terbitan Bersiri

Sebanyak 546 judul terbitan bersiri telah dikatalog iaitu 365 judul diterima di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)* dan 181 judul melalui proses perolehan. Bahan ini terdiri daripada 12 judul bahan Malaysiana dan 169 judul bahan bukan Malaysiana.

Sebanyak 360 (32 judul baru) judul majalah dalam negara yang mengandungi artikel penting dikesan dan sebanyak 3,885 artikel diindeks dan boleh dicapai dalam talian.

Sumber Elektronik

Sebanyak 594 judul bahan sumber elektronik telah dikatalog iaitu 152 judul diterima di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)* dan 442 judul melalui proses perolehan. Daripada judul yang dipilih melalui proses perolehan ini, 162 judul terdiri dari bahan Malaysiana dan 280 judul terbitan daripada bahan bukan Malaysiana.

Pangkalan Data Penerbit

Pelancaran Pangkalan Data Penerbit telah diadakan pada 24 Julai 2013 dan juga telah dipaparkan pada laman web Perpustakaan Negara Malaysia. Sebanyak 10,398 entri data penerbit telah diinput di dalam pangkalan data penerbit ini.

Perolehan

Dalam usaha memperkukuhkan koleksi perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia terus mempergiat program perolehan sumber perpustakaan di bawah penguatkuasaan *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)*, pembelian, hadiah dan pertukaran. Sehingga Disember 2013, jumlah kumulatif koleksi Perpustakaan Negara Malaysia adalah 4,244,511 unit. Sumber perpustakaan yang telah diperolehi sepanjang tahun 2013 di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)* adalah sebanyak 201,479 unit, melalui pembelian sebanyak 84,954 unit dan melalui hadiah dan pertukaran sebanyak 14,479 unit.

Perolehan Bahan Bacaan Perpustakaan Desa

Di samping perolehan untuk Perpustakaan Negara Malaysia, perolehan turut dilaksanakan untuk Perpustakaan Desa di seluruh Malaysia. Pada tahun 2013, sebanyak 341,105 naskhah bahan bacaan yang meliputi pelbagai disiplin ilmu telah diperoleh untuk Perpustakaan Desa di seluruh negara.

Pemuliharaan

Dalam menjaga keaslian bentuk fizikal bahan perpustakaan pihak Perpustakaan Negara Malaysia telah menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan reprografi khusus kepada bahan Manuskrip Melayu, bahan-bahan Nadir Malaysiana dan terbitan bersiri. Satu langkah tambahan telah diambil dengan membuat kerja-kerja

memikrofilem beberapa surat khabar tempatan, manuskrip Melayu dan bahan bacaan nadir yang ada dalam simpanan perpustakaan. Tujuan memikrofilem bahan-bahan tersebut adalah bagi menjamin keaslian terhadap bahan-bahan yang sedia ada daripada mengalami kerosakkan akibat penggunaan yang kerap oleh para pengguna perpustakaan. Semua bahan yang telah dimikrofilem boleh dirujuk oleh para pengguna. Aktiviti pemuliharaan termasuk kerja-kerja penyenggaraan terhadap koleksi perpustakaan, kerja-kerja menjilid buku, kertas seminar, bahan terbitan bersiri dan pemuliharaan koleksi manuskrip Melayu, koleksi peribadi dan bahan Nadir.

Aktiviti Pemuliharaan

- **Pembaikan Manuskip Melayu**

  Kebanyakan bahan Manuskrip Melayu yang diterima adalah dalam keadaan yang amat buruk keadaan fizikalnya. Perkara ini terjadi disebabkan oleh tiada satu cara penyimpanan yang rapi oleh pemilik bahan-bahan tersebut. Bagi menjaga dan menyelamatkan bahan ini dari terus musnah, kerja-kerja pemeliharaan perlu dibuat. Pada tahun 2013 sebanyak 169 naskah manuskrip Melayu telah dibuat pewasapan. Tujuan kerja-kerja ini dibuat ialah untuk melindungi bahan-bahan ini dari makhluk perosak dan ditumbuhi kulat. Daripada jumlah ini sebanyak 1,900 helaian telah dibuat pembaikan dengan menggunakan teknik pembaikan tisu.

- **Pemuliharaan Bahan Nadir**

  Dalam tahun 2013 sebanyak 9,639 helaian bahan-bahan ini telah dibuat pemuliharaan dan pembaikan. Bahan yang telah dibaik pulih ini dijilid dalam 15 jilidan.

Aktiviti Reprografi

Walaupun dunia sekarang ini melangkaui era teknologi digital dan terus berkembang pesat, namun aktiviti reprografi turut berkembang seiring dengan teknologi terkini. Teknologi mikrografi merupakan satu teknik mengubah format bahan bercetak ke format mikrofilem. Teknik ini masih digunakan kerana ianya dapat memanjangkan hayat sesuatu bahan itu sehingga seratus (100) tahun lamanya.

Pada tahun 2013 sebanyak 180 torak mikrofilem telah dihasilkan. Dari jumlah ini sebanyak 120 torak mikrofilem terdiri dari manuskrip Melayu, 10 torak mikrofilem bagi bahan nadir dan sebanyak 50 torak mikrofilem dibuat terhadap 7 judul surat khabar.

Dalam tahun 2013 juga pihak Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan sebanyak 146 aktiviti. Sepanjang penganjuran ini sebanyak 4,380 keping gambar berkaitan aktiviti-aktiviti ini telah dicetak.

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

AKTIVITI PERKHIDMATAN MAKLUMAT

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERKHIDMATAN MALAYSIANA

Pusat Maklumat Malaysiana

Pemeliharaan koleksi warisan intelek negara dan memudahkan akses kepada bahan warisan tersebut oleh masyarakat merupakan tanggungjawab Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). PNM memastikan dapat menjalankan peranannya sebagai Pusat Kecemerlangan Ilmu dengan baik dan sempurna dengan menyediakan kemudahan bahan rujukan dengan cepat, efektif dan sistematik bagi memenuhi kepuasan pengguna serta menyediakan perkhidmatan perpustakaan yang mantap, boleh dipercayai dan memenuhi keperluan dan kehendak pengguna selaras dengan misi dan visi PNM.

Perkhidmatan Kaunter Pusat Maklumat Malaysiana terdiri daripada enam (6) kaunter keseluruhannya iaitu Kaunter Terbitan Bersiri dan Kaunter Surat Khabar Malaysiana di Aras 6, Kaunter Monograf Malaysiana di Aras 7, Kaunter Folio Malaysiana di Aras 8 (beroperasi secara On Call), Kaunter Terbitan Kerajaan dan Perundangan di Aras 9 dan Kaunter Koleksi Khas di Aras 10 (beroperasi secara On Call). Keseluruhan koleksi Malaysiana pada tahun 2013 berjumlah kira-kira 1,240,379 naskhah (Jadual I).



	Jenis Koleksi
Monograf Malaysiana	701,066
Terbitan Bersiri Malaysiana	392,312
Koleksi Khas	135,915
Mikrofilem	11,086

Jadual I

Pada tahun 2013, seramai 136,697 pembaca merujuk kepada 1,240,379 koleksi Malaysiana. Sejumlah 911 permohonan Sistem Pembekalan Penerbitan diterima dan 11,693 pertanyaan tunjuk arah serta 22,188 pertanyaan rujukan ringkas diterima dan dijawab.

Pusat Maklumat Malaysia sentiasa berusaha memantapkan perkhidmatannya serta mempromosikan koleksi Malaysiana melalui penganjuran dan pelaksanaan pelbagai aktiviti pameran dan program keilmuan sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2013. Terdapat tiga (3) program utama telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tahun 2013 ini, di antara tiga program utama tersebut adalah Program Kegemilangan Khazanah Manuskrip Melayu dan Bahan Nadir, Program Menggamit Memori Kemerdekaan dan Program Merakyatkan Bahasa dan Sastera. Di samping tiga program utama ini di dalamnya terkandung beberapa aktiviti dan pameran bagi melengkapkan lagi pelaksanaan program-program utama (Jadual II).

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Jadual II

PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
Pameran Seni Hias dan Ilustrasi Naskhah Manuskrip Melayu dan Bahan Nadir Tema: *"Manuskrip Melayu dan Bahan Nadir: Nilai Kreativiti Jati Diri Melayu"*.	1-31 Julai 2013	Ruang Pameran Aras 2 Anjung Bestari
Pertandingan Bercerita : Cerita-cerita Klasik Melayu	9 Julai 2013	Auditorium PNM
Pameran Bergerak Kenali dan Cintai Khazanah Ilmu: Koleksi Nadir dan Manuskrip Melayu yang tiada tandingan nya.	16 April - 31 Mei 12 Jun - 12 Ogos 22 September - 24 Oktober	Perpustakaan Negeri Sabah Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Perpustakaan Tengku Anis, UiTM, Kampus Machang, Kelantan
Pertandingan Karaoke Lagu-Lagu Raya 2013.	27 Ogos 2013	PNM
Pameran Menggamit Memori Kemerdekaan 1957 – 2012.	10 Ogos - 30 September 2013	Ruang Pameran, Aras 2, Anjung Bestari
Pertandingan Lagu-lagu Patriotik.	26 dan 27 Oktober	Dewan Jubli Perak, Kuala Kangsar, Perak
Pertandingan Menulis Esei Pendermaan Organ Peringkat.	1 Julai -15 Ogos 2013	PNM
Kenali dan Cintai Puisi Tradisional Melayu: Mantera dan Talibun.	9 Oktober 2013	Auditorium, PNM Perlis
Pameran Bahasa Jiwa Bangsa.	15 Oktober - 15 November 2013	Ruang Pameran, Aras 2, Anjung Bestari
Pameran Wajah Bangsa 1Malaysia.	Januari - Mac 2013	Ruang Pameran, Aras 2, Anjung Bestari
Pameran Koleksi Nadir dan Peribadi Bertemakan "*Prince of Wales* / Pulau Pinang" .	Mac - Mei 2013	Aras 10, Menara PNM
Pameran Koleksi Nadir dan Peribadi Bertemakan "Borneo".	Jun - Ogos 2013	Aras 10, Menara PNM
Pameran Koleksi Nadir dan Peribadi Bertemakan "Kuala Lumpur".	September - Oktober 2013	Aras 10, Menara PNM
Pameran Koleksi Nadir dan Peribadi Bertemakan "Melaka".	November - Disember 2013 Januari 2014	Aras 10, Menara PNM

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Program Kegemilangan Khazanah Manuskrip Melayu dan Bahan Nadir Tema : "Manuskrip Melayu dan Bahan Nadir: Nilai Kreativiti Jati Diri Melayu" di Galeri Pameran PNM pada 1-31 Julai 2013.

Pertandingan Bercerita: Cerita-cerita Klasik Melayu di Auditorium PNM pada 9 Julai 2013.

Kenali dan Cintai Puisi Tradisional Melayu : Mantera dan Talibun di Auditorium PNM Perlis, pada 9 Oktober 2013.

Pameran Bergerak Kenali dan Cintai Khazanah Ilmu : Koleksi Nadir dan Manuskrip Melayu yang tiada tandingannya di Perpustakaan Tengku Anis, UiTM, Kampus Machang, Kelantan pada 22 September hingga 24 Oktober 2013.

Pusat Manuskrip Melayu

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu dan urus setia Program Pembudayaan Tulisan Jawi. Sehubungan itu, Pusat Manuskrip Melayu telah berusaha melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2013 bagi memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan manuskrip Melayu sebagai warisan dokumen negara yang perlu dipelihara bagi mencungkil ilmu yang terkandung di dalamnya bukan sahaja untuk tatapan generasi kini malah untuk generasi akan datang.

PMM berusaha memantapkan koleksi manuskrip Melayu melalui usaha pengesanan yang berterusan dari semasa ke semasa. Pada tahun 2013, manuskrip Melayu asal yang diperoleh ialah sebanyak 148 naskhah menjadikan jumlah keseluruhan koleksi manuskrip Melayu sebanyak 4,663 naskhah. Sepanjang tahun 2013, PMM telah menerima seramai 3,079 orang pengunjung. PMM juga telah memberikan perkhidmatan kepada 216 orang penyelidik yang telah merujuk kepada 674 naskhah asal manuskrip Melayu dan 56 manuskrip dalam bentuk salinan mikrofilem.

Bagi mempromosi koleksi serta perkhidmatan PMM, pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2013. Jadual berikut menunjukkan program dan aktiviti tersebut.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PROGRAM/ AKTIVITI	TEMPAT	TARIKH
Pameran Ilustrasi dan Hakikat	Pusat Manuskrip Melayu, Aras 11, Menara PNM	Januari - Februari 2013
Pameran Manuskrip Melayu dan Semarak Jawi	Muzium Negeri Melaka	17 Januari - 13 Februari 2013
Pameran Manuskrip Melayu Karya Agung	Sekolah Menengah Convent, Johor Bahru	15 Februari - 19 April 2013
Pameran Manuskrip Melayu	Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak	27 Februari - 3 April 2013
Pameran Manuskrip Melayu: Penyelidikan dan Penerbitan	Pusat Manuskrip Melayu, Aras 11, Menara PNM	Mac - Mei 2013
Bicara Manuskrip Melayu Siri I	Perpustakaan Negara Malaysia Perlis	18 Mac 2013
Pameran Keunggulan Naskhah Lama dan Artifak Menerusi Kegemilangan Melayu	Perpustakaan Awam Negeri Perlis	18 - 29 Mac 2013
Pameran Manuskrip Melayu dan Semarak Jawi	Perpustakaan Kuala Lumpur	10 - 15 Mei 2013
Pameran Kenali Koleksi Nadir dan Manuskrip Melayu	Univsersiti Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan	2 - 30 Mei 2013
Pameran Tabir Mimpi	Pusat Manuskrip Melayu, Aras 11, Menara PNM	Jun - Julai 2013
Pameran Kosmologi dan Epistemologi Tradisional	Dewan Muktamar 1 & 2 Masjid al-Wathiqu Billah Tunku Mizan, UiTM Shah Alam	4 Jun 2013
Bicara Manuskrip Melayu Siri II	Dewan Muktamar 1, Masjid al-Wathiqu Billah Tunku Mizan, UiTM Shah Alam	6 Jun 2013
Pameran Kosmologi dan Epistemologi Tradisional	Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam	6 - 30 Jun 2013
Pameran Kenali Koleksi Nadir dan Manuskrip Melayu	Perpustakaan Negeri Sabah	10 - 30 Jun 2013
Pameran Seni Khat	Galeri Shah Alam, Selangor	21 Jun - 31 Julai 2013
Pameran Iluminasi dan Ilustrasi Manuskrip Melayu dan Koleksi Nadir	Ruang Legar Aras 1, Anjung Bestari, PNM	1-31 Julai 2013

YBhg. Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM (Tengah), Prof. Dr. Hj. Muhammad Rahimi Osman, Pengarah ACIS, UiTM (Kiri) dan Dr. Mohd Asmadi Yaakob, Ketua PUSKAM (Kanan) semasa Majlis Perasmian Program Bicara Manuskrip Melayu : Kosmologi dan Epistemologi Tradisional.

Pembentangan oleh Prof. Madya Dr. Ab. Razak bin Ab Karim dari Universiti Malaya.

Pakar Maklumat

Bahagian Pakar Maklumat (BPM) mempunyai fungsi utamanya untuk memberi perkhidmatan maklumat yang merangkumi perkhidmatan pertanyaan rujukan berbentuk penyelidikan dan ringkas kepada pengguna perpustakaan dan orang ramai. Selaras dengan istilah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebagai gedung serta kustodian ilmu, BPM juga turut dipertanggungjawapkan untuk memberi perkhidmatan menyebarluas maklumat kepada semua lapisan komuniti di seluruh Malaysia.

Sepanjang tahun 2013, BPM telah berjaya memenuhi permintaan maklumat kepada pengguna, di mana sebanyak 116 soalan berbentuk penyelidikan dan 226 pertanyaan rujukan ringkas yang diterima melalui e-mel telah diberi maklumbalas dan jawapan. Selain itu, sebanyak 105 soalan/ jawapan daripada pertanyaan penyelidikan serta rujukan ringkas terpilih telah berjaya diinput ke dalam pangkalan data i-Pakar (http://i-pakar.pnm.my) dalam modul Q&A untuk memudahkan capaian kembali maklumat bagi soalan yang sama.

Pakejan Maklumat adalah kompilasi maklumat dari pelbagai sumber maklumat dalam sesuatu bidang atau perkara. Ia merupakan nilai tambahan kepada perkhidmatan dan koleksi sedia ada di PNM, dan pengguna mempunyai pilihan dalam mendapatkan maklumat di samping menarik lebih ramai pengunjung ke PNM. Bagi tahun 2013, BPM telah berjaya menyediakan sebanyak 50 tajuk bahan Pakejan Maklumat dalam usaha untuk memenuhi kehendak pengguna, terutamanya pelajar-pelajar sekolah dan juga masyarakat umum berkaitan hal ehwal isu-isu semasa. Bahan pakejan maklumat ini disusun mengikut subjek di atas rak tersedia untuk pengguna di Aras 8, Menara PNM. Bagi memudahkan lagi capaian kepada pakejan maklumat ini, pengguna boleh mengakses pakejan maklumat yang sama dalam bentuk digital secara dalam talian menerusi modul Pempakejan Maklumat Digital dalam pangkalan data i-Pakar.

Usaha Projek Pembangunan Koleksi Pakejan Maklumat di Perpustakaan Desa (PD) yang bertujuan memberi perkhidmatan tambah nilai sumber rujukan kepada komuniti setempat telah diperluaskan ke negeri-negeri lain. BPM mengambil kesempatan sempena pelaksanaan Program Literasi Maklumat dan Media (LMM) untuk menjalankan projek ini dengan memberi tunjuk ajar mempakejkan maklumat kepada petugas-petugas PD dalam zon terpilih. Projek ini telah berjaya dilaksanakan kepada 6 Zon PD meliputi 29 buah PD iaitu:

- Perpustakaan Desa Kampung Sungai Labu, Wilayah Persekutuan Labuan (3PD)
- Perpustakaan Desa Hajah Sena Bugo, Kampung Sungai Bedil Besar, Kuching, Sarawak (3 PD)
- Perpustakaan Desa Masjid Simpang Sanglang, Perlis (7 PD)
- Perpustakaan Desa Sekolah Rakyat Al-Amin, Tambun, Perak (6 PD)
- Perpustakaan Desa Kampung Bot, Kota Bharu, Kelantan (3 PD)
- Perpustakaan Desa Saleng, Senai, Johor (4 PD)

Pemantauan kepada projek rintis tahun 2012 di Perpustakaan Desa Taman Mas Merah, Batu Berendam, Melaka turut diadakan untuk memastikan kesinambungan serta kelancaran pelaksanaan projek.

PNM sebagai sebuah institusi yang mendokong aspirasi kerajaan untuk mewujudkan masyarakat berpengetahuan (*knowledge society*) supaya rakyat dapat memperkayakan diri dengan ilmu pengetahuan dan berupaya bersaing di peringkat global di samping menikmati taraf hidup yang tinggi. Penguasaan ilmu dan kemahiran mencari maklumat merupakan kunci kejayaan bagi mencapai hasrat kerajaan. Justeru, PNM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan dan pengetahuan literasi maklumat kepada semua lapisan masyarakat melalui pelbagai program/ aktiviti pembudayaan ilmu bagi menyokong pembelajaran sepanjang hayat. Bagi menyemarakkan lagi kemahiran literasi maklumat kepada masyarakat, PNM telah berjaya membangunkan 3 tahap modul LMM berdasarkan kepada panduan *International Federation of Library Association sand Institutions (IFLA) Guidelines on Information Literacy for Lifelong Learning* pada tahun 2011 untuk diguna pakai bagi membantu semua golongan sasaran mempelajari literasi maklumat secara menyeluruh. Bagi memperhebatkan tujuan ini, satu Kumpulan SME Literasi Maklumat & Media telah ditubuhkan khas untuk mengendalikan Program LMM.

Pada tahun 2013, Program LMM telah diperluaskan ke pelbagai lapisan masyarakat di beberapa negeri terpilih. Negeri tersebut termasuklah Johor, Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Sarawak, Wilayah Persekuan Labuan dan Kuala Lumpur. Selain daripada program terancang, PNM juga menerima jemputan untuk mengendalikan program / memberi ceramah berkaitan LMM di institusi dan organisasi luar. Program LMM yang berjaya dilaksanakan mengikut pembahagian kategori peserta adalah seperti berikut:

KATEGORI PESERTA	BILANGAN PROGRAM	BILANGAN PESERTA
Pelajar Sekolah / Politeknik / Universiti	12	721
Seminar	1	227
Pengetua / Guru Sekolah	3	123
Editor / Penulis	1	25
Penjawat Awam	7	243
Kakitangan Perpustakaan / Perpustakaan Desa	8	420
NGO	1	56
JUMLAH	**33**	**1,815**

Analisa terhadap keberkesanan Program LMM dinilai dengan menggunakan borang penilaian program telah menunjukkan peningkatan sebanyak 25.4% secara keseluruhannya memberikan impak positif kepada golongan sasaran. Peningkatan yang ketara sebelum dan selepas program menunjukkan penerimaan terhadap modul-modul yang disampaikan adalah baik dan memberi pulangan kepada para peserta dalam bentuk pengetahuan dan kemahiran dalam mempelbagaikan medium pencarian serta meningkatkan tahap literasi maklumat.

Rakaman Peristiwa

Seminar on Media and Information Literacy: Catalyst for Lifelong Learning sempena 21st Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNLAO) di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia, pada 27 Mac 2013.

YBhg. Dato' Sri Dr. Halim bin Shafie, Pengerusi Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia sedang menyampaikan ucap tama.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Program Literasi Maklumat & Media / Projek Pempakejan Maklumat

Majlis Perasmian Kem LMM di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia dan Sesi LMM, pada 29 April 2013

PERKHIDMATAN MAKLUMAT UMUM

Maklumat Umum

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menyediakan perkhidmatan dan koleksi bahan rujukan monograf dan terbitan bersiri luar negara dalam semua bidang perkara melalui Perkhidmatan Maklumat Umum. Selain itu, PNM juga menyediakan Koleksi Khas seperti terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Koleksi Harvard dan ASEAN untuk rujukan pembaca. Koleksi monograf, terbitan bersiri dan koleksi khas luar negara ini boleh dirujuk oleh pengguna Perpustakaan di Bahagian Maklumat Umum (BMU) di Aras 3 dan 4 Tengah, bangunan Anjung Bestari, PNM. Manakala Perkhidmatan dan Koleksi Maklumat Perniagaan (BIS) disediakan di Aras 2 Tengah. Selain itu Pemusatan Kaunter Perkhidmatan telah bermula sejak 2 Julai 2013. Justeru Kaunter Penasihat Pembaca di Aras 3 telah dipindah ke Aras 1, Anjung Bestari.

PERKHIDMATAN DAN KOLEKSI

Keseluruhan koleksi Bahagian Maklumat Umum pada tahun 2013 berjumlah 437,440 naskhah (Jadual 1).

Jadual 1 - Kumulatif Koleksi BMU Sehingga 2013

KOLEKSI	TAHUN			JUMLAH
	SEHINGGA 2012	PENERIMAAN 2013	PINJAMAN TETAP DRPD PJMN	
Monograf	213,700	2,196	-	215,896
Terbitan Bersiri	210,796	1,398	-	212,294
United nations (PBB)	6,863	119	-	6,982
Harvard	1,635	4	-	1,639
ASEAN	334	22	-	356
BIS	398	18	-	416
JUMLAH	**433,726**	**3,757**	**-**	**437,440**

Pada tahun 2013, seramai 67,006 orang pembaca telah menggunakan perkhidmatan rujukan umum dan sebanyak 88,801 naskhah bahan telah dirujuk (Jadual II).

Jadual II - Koleksi BMU dirujuk 2013

KOLEKSI	BAHAN DIRUJUK (NASKHAH)
Monograf	53,173
Terbitan Bersiri	26,640
Harvard	2,619
ASEAN	1,667
PBB	2,425
BIS	2,277
JUMLAH	**88,801**

Aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang 2013 adalah:

TARIKH	PERKARA
23 April	Hari Buku Sedunia 2013
8-28 Jun	Program Sesi Perkongsian Ilmu bertajuk Pertanian Satu Perniagaan
3-10 September	Pameran Hari Menentang Ujian Nuklear Antarabangsa (International Day Against Nuclear Tests)
23 Feb, 23 Mac, 23 April, 22 Jun, 24 Ogos, 28 September dan 30 November sepanjang tahun	Program Jualan Buku @ But Kereta
11 November-23 Disember	Pameran Kenali ASEAN 2013
6 November-29 November	Program Kenali Peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam Pembangunan Negara Malaysia

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Hari Buku Sedunia 2013 : Buku Teman Sepanjang Hayat

Ucapan Pelancaran oleh YBhg. Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Hari Buku Sedunia 2013

Penyampaian Sijil Penghargaan kepada empat penerbit yang paling banyak menghantar bahan kepada Perpustakaan Negara berdasarkan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan (Akta 331/1986) bagi tahun 2013.

Hari Buku Sedunia 2013 : Sungai Ilmu

YBhg. Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersama-sama tetamu kehormat berkunjung ke Pameran Kreativiti Buku di tepi 'Sungai Ilmu'.

Sebahagian daripada pelajar yang hadir pada Sesi Bicara Buku sempena sambutan Hari Buku Sedunia 2013.

Hari Buku Sedunia 2013 : *Speed Reading*

Bengkel *Speed Reading* oleh Dr. Dahlia binti Janan,
Ketua Bahagian, Jabatan Bahasa & Kesusasteraan Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Program Pertanian Satu Perniagaan 8 – 28 Jun 2013

Jualan Produk Pertanian pada 14 -16 Jun 2013
Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia
melawat pameran dan beramah mesra dengan para pengunjung.

Sesi Perkongsian Ilmu :
Experiencing the Role of United Nations (UN) in the Development of Malaysia

YBhg. Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersama-sama Ms. Michelle Gyles-McDonnough, United Nations Resident Coordinator and UNDP Resident Representative, Malaysia, Singapore and Brunei.

Ms. Michelle Gyles-McDonnough sedang menyampaikan ceramah.

Cenderamata dan penghargaan oleh YBhg. Dato' Raslin bin Abu Bakar kepada Ms. Michelle Gyles-McDonnough.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Khidmat Pelanggan

Pendaftaran Ahli PNM

Bagi tahun 2013, seramai 65,786 orang telah mendaftar sebagai ahli PNM. Dari jumlah tersebut, seramai 57,889 orang atau 88.5% adalah dari kategori dewasa, manakala 6,832 orang atau 11.5% merupakan kategori kanak-kanak. Sehingga 31 Disember 2013, jumlah keahlian PNM secara kumulatif adalah seramai 1,128,102 orang. Kempen keahlian luar jabatan telah diadakan di 84 lokasi yang melibatkan agensi kerajaan, sekolah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Senarai lokasi serta tarikh kempen adalah sebagaimana di bawah:

TARIKH	LOKASI
11 Januari 2013	Hospital Putrajaya, Putrajaya
14 Januari 2013	SK Padang Tembak 2, Jln Semarak, Kuala Lumpur
15 Januari 2013	SK Kementah, Jln Laksamana, Kuala Lumpur
18 Januari 2013	SK (1) Bt 4 Jln Ipoh, Kuala Lumpur
21 Januari 2013	SK Jln Air Panas, Jln Air Panas, Setapak, Kuala Lumpur
17 Disember	Pameran dan Aktiviti Galakan Membaca Sempena Program Xplorasi PTAR 2013	Perpustakaan Universiti Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam, Selangor
17 Disember	Siaran Kembara Buku Musim Ke-2	RTM 1 (10 episod)

Program Pembudayaan Tulisan Jawi

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan menjalankan program Pembudayaan Tulisan Jawi di peringkat Jabatan dan Kebangsaan bertujuan menyebar luas dan menyemarakkan semula tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat Malaysia. Sebanyak enam (6) program Pembudayaan Tulisan Jawi telah dijalankan pada tahun 2013 dengan penglibatan seramai 14,459 orang peserta/ pengunjung dan catatan capaian sebanyak 413,398 melalui promosi pembelajaran tulisan Klinik Jawi melalui portal PNM. Perinciannya adalah seperti berikut :

Tajaan Rancangan Klinik Jawi@IKIMfm

Perpustakaan Negara Malaysia meneruskan program Rancangan Klinik Jawi di Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIMfm) pada tahun 2013 melibatkan 47 episod. Rancangan yang bersiaran setiap Sabtu, jam 10.00 pagi dan siaran ulangan setiap Ahad, jam 10.00 malam ini dibimbing oleh Tuan Haji Azman bin Haji Ahmad Pegawai Perancang Bahasa daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)dan dikendalikan oleh Penyampai Radio Encik Muhammad Suffian Amrin. Nota klinik jawi juga dimuat naik melalui portal rasmi PNM setiap minggu dengan jumlah capaian sebanyak 413,398 sehingga 19 Disember 2013. Bagi menarik pendengar, Kuiz Jawi dengan hadiah sahibba Jawi disediakan oleh PNM setiap kali siaran.

Bengkel Cepat Membaca Jawi

Bengkel Cepat Membaca Jawi telah diadakan pada 8 Julai 2013 dan 12 November 2013 dengan penyertaan 60 orang kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia. Bengkel ini bertujuan memberi panduan asas kepada peserta yang baru mengenali tulisan Jawi disamping memantapkan penguasaan bagi mereka yang telah mempunyai asas tulisan Jawi. Bengkel yang dibimbing oleh Encik Wan Mohd Azhar Wan Mahmood, pencipta Kaedah Baca Dengan Nombor (BDN) daripada SK Kampung Jambu, Taiping Perak ini berjaya menonjolkan pendekatan baru dalam kaedah pembelajaran tulisan jawi.

Pertandingan Uji Minda Jawi

Pertandingan Uji Minda Jawi anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dengan usahasama Utusan Melayu Malaysia Berhad (UMMB) telah diadakan pada 7 Oktober 2013 dan berakhir pada 5 Januari 2014. Pertandingan ini diadakan bagi menyemarakkan aktiviti pembudayaan tulisan jawi dengan cara yang lebih menarik dan menguji minda. Pertandingan yang mirip silangkata ini dibahagikan kepada dua (2) kategori, iaitu Mingguan dan Terkumpul dengan tawaran hadiah keseluruhan bernilai RM15,450.00. Seramai 27 orang pemenang Hadiah Mingguan dan 5 orang pemenang Hadiah Terkumpul telah dipilih. Sebanyak 9,072 penyertaan telah diterima daripada seluruh negara.

Program Semarak Jawi

Program Semarak Jawi telah dijalankan pada 26 – 27 Oktober 2013 sempena Karnival Membaca 1Malaysia dan Pemantapan Nilai-Nilai Murni di Dewan Jubli Perak, Kuala Kangsar Perak. Program yang berkonsep informasi dan santai ini bertujuan memupuk budaya membaca dan menulis jawi sepanjang hayat. Pengisian program ialah Pertandingan Membaca Naskhah Lama, Pertandingan Tulisan Jawi Cantik, Mari Belajar jawi, Pantas Jawi, Demonstrasi dan Jualan Seni Khat, Pertandingan *Explore-Snap-Jawi,* Sudut Expresi Diri, *Stone Art Jawi* dan pelbagai lagi. Seramai 1,500 orang telah mengunjungi gerai Jawi sepanjang program berlangsung.

Penerbitan Buku Kaedah Pembelajaran Jawi Peringkat Asas

Buku Kaedah Pembelajaran Jawi Peringkat Asas diterbitkan susulan daripada siaran Rancangan Klinik Jawi di Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIMfm) mulai 2 Jun 2012 hingga 30 November 2013 yang bersiaran sebanyak 78 episod. Penerbitan *Kaedah Tulisan Jawi* yang disempurnakan ini telah ditulis semula oleh Pembimbing Klinik Jawi iaitu Tuan Haji Azman Haji Ahmad. Buku terbitan 2014 ini diterbitkan dalam bahasa Melayu menggunakan skrip Rumi dan Jawi.

Aktiviti Semarak Jawi

Aktiviti Semarak Jawi yang berkonsep *edutaiment* seperti Bina Kata Jawi, Gali Kata Jawi, Pantas Jawi, Pintar Jawi, Silang Kata Jawi, Minda Jawi, Demonstrasi Seni Khat, Susun Atur Huruf Jawi, Jawikan Petikan, Mencari Kesilapan Ejaan dan Uji Pengetahuan Jawi Anda diadakan bagi menyemarakkan budaya tulisan Jawi bersama Program Galakan Membaca PNM, agensi luar dan NGO. Sepanjang 2013, sebanyak 9 aktiviti telah diadakan iaitu pada 30 Januari (IKBN Pagoh), 30 Januari hingga 3 Februari (PWTC, KL), 2 Februari (N.Sembilan), 19-23 Mac (PPA Perlis), 23 Mac (Negeri Sembilan), 25 April hingga 5 Mei (PBAKL, PWTC), 20 Oktober (Muar, Johor), 6 Disember (KPK) dan 18 Disember 2013 (UiTM).

Pembimbing Klinik Jawi Tuan Haji Azman Ahmad bersama Pengacara Encik Mohammad Suffian Amrin DJ IKIMfm.

Penjurian Pertandingan Uji Minda Jawi 2013 pada 29 Oktober 2013 di Pusat Manuskrip Melayu, PNM.

Puzzle Jawi sempena Program Keunggulan Naskhah Lama, 19-23 Mac 2013.

Sahibba Jawi sempena Program Membaca@KPKK, 18 Disember 2013.

Pertandingan Seni Khat (Dewasa), Perpustakaan Desa Sungai Balang, Muar, 20 Oktober 2013.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

STATISTIK PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2011-2013

STATISTIK KEAHLIAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2011 - 2013

TAHUN	KATEGORI KEAHLIAN (orang)		JUMLAH
	Kanak-Kanak	Dewasa	
2011	6,067	72,196	78,272
2012	6,253	55,785	62,038
2013	7,452	58,334	65,786
KUMULATIF	**163,366**	**964,737**	**1,128,103**
%	**11.3**	**88.7**	**100**



FAKTA KEAHLIAN PNM TAHUN 2013

- 65,786 orang keahlian baru tahun 2013.
- 14.5% ahli kanak-kanak; dan 85.5% ahli dewasa.
- 5,482 orang purata keahlian baru sebulan.
- 1,128,103 orang kumulatif keahlian PNM sehingga Disember 2013.
- 11.3% (163,366 kanak-kanak); dan 88.7% (964,737 dewasa).
- 34,540 (56.4%) keahlian mendaftar di premis PNM.
- 31,246 (43.6%) mendaftar melalui kempen keahlian.
- 84 lokasi kempen keahlian.
- 457 orang keahlian di kalangan warganegara asing dari 53 buah negara.

STATISTIK PENGUNJUNG PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2011 - 2013

TAHUN	KATEGORI PENGUNJUNG (orang)		JUMLAH
	Kanak-Kanak	Dewasa	
2011	84,917	388,249	423,166
2012	72,120	348,051	420,171
2013	39,097	318,097	357,653
%	**11.1%**	**88.9%**	**100%**



FAKTA PENGUNJUNG PNM TAHUN 2013

- 357,653 mengunjungi PNM tahun 2013.
- 14.9% merosot berbanding tahun 2012.
- 11.1% pengunjung kanak-kanak; dan 88.9% pengunjung dewasa.
- 29,804 orang purata pengunjung bulanan ke PNM.
- Taburan pengunjung ke premis PNM seperti berikut:- 33.1% Anjung Bistari; 31.8% Menara PNM; 28.1% Wisma Sejarah; dan 6.9% Perpustakaan Kanak-Kanak.
- 100 delegasi lawatan (84 Dalam Negara ; dan 26 Luar Negara).
- Melibatkan 4,616 pelawat (4,180 Dalam Negara ; dan 436 Luar Negara).
- 47 orang OKU direkodkan sejak September 2013.

STATISTIK PINJAMAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2011 - 2013

TAHUN	KAEDAH PINJAMAN (naskhah)				JUMLAH
	Berpusat	Kelompok	SPP	U-Pustaka	
2011	965,227	68,655	625	2,623	1,037,130
2012	1,269,819	75,931	700	4,537	1,350,987
2013	992,471	90,242	566	3,513	1,086,792
%	**91.3%**	**8.3**	**0.1%**	**0.3%**	**100%**



FAKTA PINJAMAN KOLEKSI PNM TAHUN 2013

- 1,086,792 transaksi pinjaman dilakukan tahun 2013.
- 19.6% merosot berbanding tahun 2012.
- 4 kaedah pinjaman kini di PNM.
- 848, 375 jumlah koleksi pinjaman di PNM.
- 90,566 purata naskhah transaksi pinjaman sebulan.
- 102 naskhah buku gagal dipulangkan sepanjang 2013.
- 29 ahli baru pinjaman berkelompok.
- 72,859 pembaca telah melakukan transaksi pinjaman.
- 340 naskhah dipinjam oleh kakitangan PNM.

STATISTIK PENGGUNA PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2011 - 2013

TAHUN	JENIS PERKHIDMATAN (orang)						JUMLAH
	Mak. Msiana	Mak. Umum	Per. Digital	Mskrip Melayu	Pakar Mak.	Zon Siber	
2011	119,757	59,216	57,931	283	4,345	33,133	274,665
2012	144,652	55,819	65,476	246	2,546	23,578	291,317
2013	148,807	67,006	39,698	229	1,828	25,534	283,102
%	**52.6**	**23.7**	**14.0**	**0.1**	**0.6**	**9.0**	**100**



FAKTA PENGGUNA PERKHIDMATAN PNM TAHUN 2013

- 283,106 pengguna perkhidmatan dicatatkan tahun 2013.
- 2.8% merosot berbanding tahun 2012.
- 6 kaunter perkhidmatan.
- 79.2% pengunjung PNM menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan.
- 23,591 orang purata bulanan pengguna perkhidmatan PNM.
- 3 perkhidmatan catatkan peningkatan pengguna iaitu Maklumat Malaysiana 2.9%; Maklumat Umum 20%; dan Zon Siber 8.3%.
- 3 perkhidmatan lain catatkan kemerosotan pengguna iaitu Perkhidmatan Digital 39.4%; Pakar Maklumat 28.2%; dan Manuskrip Melayu 6.9%.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

STATISTIK PEROLEHAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2011 - 2013

TAHUN	KAEDAH PEROLEHAN (unit)			JUMLAH
	Akta 331	Pembelian	Hadiah/Pertukaran	
2011	192,733	100,804	3,371	296,908
2012	201,773	76,834	3,097	281,704
2013	201,479	83,278	2,710	287,437
%	**70.1**	**29.0**	**0.9**	**100**



FAKTA PEROLEHAN KOLEKSI PNM TAHUN 2013

- 287,437 unit didaftarkan tahun 2013.
- 23,953 unit purata bahan baru didaftarkan sebagai koleksi PNM.
- 2% peningkatan berbanding tahun 2012.
- 4.23 juta unit kumulatif koleksi PNM sehingga Disember 2013
- 70.1% unit koleksi diperoleh melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan
- 19,987 judul penerbitan dalam negara tahun 2013, peningkatan 4.3%.
- 265,836 kumulatif judul penerbitan sejak tahun 1966 – 2013.

STATISTIK PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DALAM TALIAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2011 - 2013

TAHUN	JENIS PERKHIDMATAN ATAS TALIAN (hits)							JUMLAH
	U-Pustaka	PNM Digital	Portal	KIK	OPAC	Ini. Digital	Lain-Lain	
2011	-	8,824	960,405	6.28 juta	802,575	188,302	33,133	8.26 juta
2012	-	28,961	1.25 juta	5.85 juta	1.51 juta	85,761	19,231	8.75 juta
2013	134,055	2.78 juta	985,813	2.18 juta	1.51 juta	18,241	1.37 juta	8.97 juta
%	**1.4**	**31.0**	**11.0**	**24.3**	**16.8**	**0.2**	**15.3**	**100-**



FAKTA PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DALAM TALIAN PNM TAHUN 2013

- 8.97 juta penggunaan dicatatkan tahun 2013.
- 747,634 purata penggunaan bulanan diakses.
- 2.4% meningkat berbanding tahun 2012.
- Perkhidmatan PNM Digital dan lain-lain catat peningkatan dan melebihi 100%
- Data penggunaan U-Pustaka mula direkodkan tahun 2013.
- 2 penggunaan perkhidmatan catat penurunan mendadak ialah Portal Inisiatif Digital (78.7%); dan KIK (62.6%)

PAMERAN

Pameran merupakan salah satu aktiviti yang menyumbang kepada pertambahan pengunjung ke PNM. Pada tahun 2013, Perpustakaan Negara Malaysia telah berjaya melaksanakan dua belas (12) pameran dengan kerjasama institusi lain seperti Kedutaan Kazakhstan dan Jabatan Penerangan Malaysia.

TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	ANJURAN
Disember 2012 – 24 Februari 2013	Pameran Selamatkan Rakyat Palestin	Dewan Pameran, PNM	PNM
1 Mac – 16 April	Pameran Wajah Bangsa Serumpun 1 Malaysia	Dewan Pameran, PNM	PNM
20 – 31 Mac	Pameran Koleksi Nadir, Peribadi dan Manuskrip Sempena CDNL-AO	Dewan Pameran, PNM	PNM
23 April – 26 Mei	Pameran Kreativiti Buku sempena Sambutan Hari Buku Sedunia	Dewan Pameran, PNM	PNM
10 – 28 Jun	Pameran Pertanian Satu Perniagaan	Dewan Pameran, PNM	PNM
1 – 31 Julai	Pameran Seni Hias dan Ilustrasi Naskhah Manuskrip Melayu dan Koleksi Nadir	Dewan Pameran, PNM	PNM
27 Ogos – 11 Oktober	Pameran Menggamit Memori Kemerdekaan 1957 – 2012	Dewan Pameran, PNM	PNM
3 - 10 September	Pameran Hari Menentang Ujian Nuklear Antarabangsa	Dewan Pameran, PNM	Kedutaaan Kazakhstan
14 Oktober - 5 November	Pameran Bahasa Jiwa Bangsa sempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan	Dewan Pameran, PNM	PNM
9 -10 November	Pameran Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpah Darahku	Dewan Pameran, PNM	PNM
15 – 31 Disember	Pameran Kenali Peranan PBB dalam Pembangunan Negara Malaysia	Dewan Pameran, PNM	PNM
15 – 31 Disember	Pameran Kenali ASEAN	Dewan Pameran, PNM	PNM

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAWATAN

PNM mengendalikan lawatan berpandu atas permintaan yang diterima dari dalam dan luar negara.

Lawatan Khas Dalam Negeri

Dalam tahun 2013, Perpustakaan Negara Malaysia telah melayani 5 lawatan khas dalam negeri. Seramai 50 orang pelawat terdiri daripada YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, SUK Negeri Kelantan, Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Malaysia dan Menteri Pembangunan Masyarakat & Hal Ehwal Pengguna Sabah. Pendedahan awal yang diberikan kepada delegasi adalah berkaitan dengan latar belakang PNM, pembangunan perpustakaan dan perkhidmatan yang disediakan.

Lawatan Khas Dalam Negeri Tahun 2013

LAWATAN	TARIKH
Lawatan kerja YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan	15 April 2013
Kunjungan Hormat YBhg. Tan Sri Haji Abu Kassim bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Malaysia	13 Jun 2013
Lawatan Kerja YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	15 Julai 2013
Kunjungan Hormat Menteri Pembangunan Masyarakat & Hal Ehwal Pengguna Sabah, YB Datuk Hajah Jainab binti Datuk Seri Panglima Haji Ayid	29 Oktober 2013

Lawatan Dalam Negeri

Sepanjang tahun 2013, Perpustakaan Negara Malaysia telah menguruskan 81 lawatan rasmi dan berpandu dalam negeri. Seramai 3,753 orang pelawat dari dalam negeri telah diterima dari pelbagai agensi seperti jabatan kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah, tabika dan orang awam.

Lawatan Berpandu Dalam Negara Tahun 2013

LAWATAN	TARIKH
SMK Dato' Penggawa Barat, Johor	22 Januari 2013
Perpustakaan Negeri Sabah	30 Januari 2013
Kelab Mahasiswa Syariah&Pentadbiran Islam Universiti Sultan (UniSZA)	31 Januari 2013
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	13 Februari 2013
Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia	19 Februari 2013
SMK Bukit Damar, Pahang	20 Februari 2013
Sek. Sri Cempaka Damansara	26 Februari 2013
Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA)	28 Februari 2013
Universiti Zainal Abidin Terengganu (UniSZA)	7 Mac 2013
SMK Sultan Ismail, Terengganu	13 Mac 2013
Persatuan Mahasiswa Usuluddin, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	16 Mac 2013
Persatuan Dyslexia Malaysia	19 Mac 2013
Sek. Integrasi Masjid Darul Ehsan, Selangor	21 Mac 2013
Universiti Sains Islam Malaysia	3 April 2013
Tadika Sri Ceria Impiana, Totalchild	4 April 2013
SMK Seri Kenangan, Johor	6 April 2013
Universiti Malaysia Sabah, Sabah	11 April 2013
SK Chembong, Negeri Sembilan	13 April 2013
PD PNM Negeri Melaka	15 April 2013
UiTM Machang Kelantan	18 April 2013
Kolej Saito Sdn.Bhd, Kuala Lumpur	18 April 2013
SMK Sg Limau, Kedah	18 April 2013
SMK Temenggong Kati, Perak	19 April 2013
SMK Jalan Junid, Johor	25 April 2013
SMK Dato' Abdul Rahman Andak, Johor	25 April 2013
SMK Undang Rembau, Negeri Sembilan	27 April 2013
Peserta NILAM Kebangsaan 2013	27 April 2013

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAWATAN	TARIKH
SK Jaya Gading, Pahang	27 April 2013
Institut Kemahiran MARA, Pahang	30 April 2013
Kolej Vokasional Kuala Kangsar, Perak	30 April 2013
Sek. Men. Vokasional Melaka Tengah	30 April 2013
SMK Seri Semantan, Pahang	2 Mei 2013
SMK Desa Cempaka, Negeri Sembilan	2 Mei 2013
Kelab Guru Sek.Keb. Durian Tawar, Pahang	7 Mei 2013
Sek. Keb. Seri Pristana, Selangor	7 Mei 2013
Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor	9 Mei 2013
Tabika Perpaduan Kg. Hj Abdullah Hukum B, Kuala Lumpur	10 Mei 2013
Sek. Keb. Taman Nusa Perintis 1, Johor	17 Mei 2013
Sek. Keb. Assam Jawa, Kelang, Selangor	22 Mei 2013
SMK Agama Naim Lilbanat, Kota Bharu, Kelantan	23 Mei 2013
SMK Dato' Biji Wangsa, Tumpat, Kelantan	28 Mei 2013
Anak-Anak Permata Angkatan Tentera Malaysia (ATM), KEMENTAH	7 Jun 2013
Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan	11 Jun 2013
SMK Lembah Subang, Selangor	11 Jun 2013
SK Talang, Negeri Sembilan	13 Jun 2013
Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara	18 Jun 2013
Sek. Jenis Kebangsaan (Tamil) Highlands, Pahang	20 Jun 2013
SMK Dato' Ali Haji Ahmad, Johor	21 Jun 2013
SK Sungai Isap, Kuantan, Pahang	21 Jun 2013
Perpustakaan MARA,Bahagian Teknologi Pendidikan, Majlis Amanah Rakyat, Kuala Lumpur	26 Jun 2013
SMK Mentakab, Mentakab, Pahang	27 Jun 2013
Sek. Keb. Desa Cempaka, Negeri Sembilan	3 Julai 2013
Warga-warga Tua Kuala Lumpur	24 Julai 2013
Global Indian International School, Kuala Lumpur	24 Julai 2013
Lorna Whiston Study Centre, Kumpur Lumpur	20 Ogos 2013

LAWATAN	TARIKH
Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka	4 September 2013
SMK Pinang Tunggal, Kedah	12 September 2013
UiTM Terengganu, Terengganu	13 September 2013
MRSM Kuala Kubu Bharu, Selangor	24 September 2013
Tadika Kalam Bistari, Kuala Lumpur	26 September 2013
Agensi Felo Perdana Menteri Pelancongan dan Kebudayaan	26 September 2013
SMK Bandar Tun Hussein Onn 2, Selangor	2 Oktober 2013
IPG Kampus Pulau Pinang, Pulau Pinang	19 Oktober 2013
UiTM Pulau Pinang, Pulau Pinang	22 Oktober 2013
SMK Gemas, Negeri Sembilan	24 Oktober 2013
Sek. Keb. Kuala Atok, Pahang	24 Oktober 2013
Sek. Keb. Kampung Panjang, Kelantan	30 Oktober 2013
Universiti Selangor (UNISEL), Selangor	31 Oktober 2013
Sek. Ren. Islam Integrasi Al Amin Bukit Beruntung, Selangor	6 November 2013
Sek. Keb. Seremban 2A, Negeri Sembilan	7 November 2013
Sek. Ren. Islam ABIM, Selangor	12 November 2013
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak	13 November 2013
UiTM Kelantan, Kelantan	15 November 2013
Happy House Management, Selangor	21 November 2013
Kolej Komuniti Teluk Intan, Perak	27 November 2013
UiTM Puncak Perdana, Selangor	29 November 2013
Kelab Kebajikan Sukan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Majlis Agama Islam Selangor	4 Disember 2013
The Vibrants Readers, Kuala Lumpur	4 Disember 2013
Perpustakaan Desa Kg Sungai Kelambu, Selangor	10 Disember 2013
The Vibrants Readers, Kuala Lumpur	11 Disember 2013
Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan	18 Disember 2013

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Lawatan Luar Negara

Seramai 466 orang pelawat dalam rombongan lawatan khas dari luar negara telah dijalankan sepanjang tahun 2013. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menerima lawatan dari pelbagai institusi dan negara seperti Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia, Taiwan, Indonesia, Library of Congress, IFLA, Oman, Rusia, Kazakhstan, negara anggota ASEAN, Jepun, Nigeria dan sebagainya. Pendedahan awal yang diberikan kepada delegasi adalah berkaitan dengan latar belakang PNM, pembangunan perpustakaan dan perkhidmatan yang disediakan.

Lawatan Pelawat Luar Negara Tahun 2013

LAWATAN	TARIKH
Puan Myra Michele Brown dan Encik Gerard George dari *Lincoln Resource Centre*	18 Januari 2013
National Chengchi University, Taiwan	23 Januari 2013
Imam Bonjol Islamic Public Institute Padang, Indonesia	8 Februari 2013
Dr. William Tuchrello dari *Library of Congress*, Jakarta	12 Mac 2013
Pustakawan Universiti Surabaya, Indonesia	14 Mac 2013
Puan Ingrid Parent Presiden International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)	25 Mac 2013
Peserta 21st *Meeting Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNLAO)*	27 Mac 2013
Jabatan Mufti Brunei, Brunei Darussalam	2 Mei 2013
College Saypol, Indonesia	6 -10 Mei 2013
Royal Air Force of Oman, Oman	17 Mei, 4 Jun dan 27 Ogos 2013
Ikatan Pustakawan Indonesia (IPI) (Indonesia Library Association) Kabupaten Sintang Kalimantan Barat, Indonesia	20Jun 2013
Encik Hwang Chang Hwa, *Chief Librarian of National Assembly of The Republic of Korea* dan 2 orang pegawai	16 Ogos 2013
International Relations Committee of The Library Association of the Republic of China (LAROC) (Taiwan) and Former Secretary General of LAROC, Taiwan	20 Ogos 2013
International Relations Division, The National Library of Vietnam, Vietnam	20 Ogos 2013
State Library of Foreign Literature, Russia	23 Ogos 2013
The National Academic Library of Republic of Kazakhstan, Republic of Kazakhstan	26 Ogos 2013
Republik Nasional Indonesia	9 September 2013
Office of Thailand Knowledge Park, Thailand	18 Oktober 2013
Brunei Library of Association, Brunei Darussalam	6 November 2013
National Diet Library, Japan	5 November 2013
National Central Library In Taiwan, Taiwan	28 November 2013
National Laboratory of Digital Resources (NLDR), Morocco	3 Disember 2013
Ministry Information and Communication Vietnam, Vietnam	10 Disember 2013
Songkhla Primary Educational Service Area Office 2, Thailand	10 Disember 2013
SMK Semen Padang, Indonesia	19 Disember 2013

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Cik Nafisah Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia sedang mengadakan perbincangan bersama Ikatan Pustakawan Indonesia, (IPI) *Indonesia Library Association* pada 20 Jun 2013



Delegasi dari Royal Air Force of Oman sedang melawat ke Bilik Pendigitan, Perpustakaan Negara Malaysia pada 4 Jun 2013

KERJASAMA PERPUSTAKAAN

Peringkat Kebangsaan

Jabatan Penyiaran Malaysia

PNM dengan kerjasama Radio Televisyen Malaysia (RTM), Jabatan Penyiaran Malaysia telah menganjurkan Majlis Anugerah Buku PNM-RTM 2013 pada 3 Oktober 2013 di Auditorium Perdana, Angkasapuri, Kuala Lumpur. Majlis bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada penulis / penerbit yang menyerahkan bahan di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331). Sebanyak 13 kategori bahan telah diadili oleh panel juri yang dilantik yang menawarkan hadiah dalam bentuk wang tunai dan sijil penghargaan.

Dewan Bahasa dan Pustaka

PNM dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kolej Perkembangan Awal Kanak-Kanak (KPAKK) dan Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC) Universiti Pendidikan Sultan Idris telah menganjurkan Pertandingan Bercerita (Cerita Rakyat) Peringkat Kebangsaan pada 6 Oktober 2013 di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC), Kuala Lumpur. Pertandingan bercerita ini merupakan sebahagian daripada strategi untuk mengekalkan cerita-cerita rakyat Malaysia yang direkod pada buku-buku yang diterbitkan dengan menggalakkan masyarakat untuk terus membacanya dan diwarisi kepada generasi akan datang.

Universiti Pendidikan Sultan Idris

PNM dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kolej Perkembangan Awal Kanak-Kanak (KPAKK) dan Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC) Universiti Pendidikan Sultan Idris telah menganjurkan Pertandingan Bercerita (Cerita Rakyat) Peringkat Kebangsaan pada 6 Oktober 2013 di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC), Kuala Lumpur. Pertandingan bercerita ini merupakan sebahagian daripada strategi untuk mengekalkan cerita-cerita rakyat Malaysia yang direkod pada buku-buku yang diterbitkan dengan menggalakkan masyarakat untuk terus membacanya dan diwarisi kepada generasi akan datang.

Kolej Perkembangan Awal Kanak-Kanak

PNM dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kolej Perkembangan Awal Kanak-Kanak (KPAKK) dan Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC) Universiti Pendidikan Sultan Idris telah menganjurkan Pertandingan Bercerita (Cerita Rakyat) Peringkat Kebangsaan pada 6 Oktober 2013 di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC), Kuala Lumpur. Pertandingan bercerita ini merupakan sebahagian daripada strategi untuk mengekalkan cerita-cerita rakyat Malaysia yang direkod pada buku-buku yang diterbitkan dengan menggalakkan masyarakat untuk terus membacanya dan diwarisi kepada generasi akan datang.

Island and Peninsular Group Sdn Bhd

Island and Peninsular Group Sdn Bhd (I&P) telah membina sebuah bangunan perpustakaan di Jalan Beringin, Bukit Damansara iaitu Perpustakaan Awam Bukit Damansara (PABD) yang merupakan projek tanggungjawab sosial korporat. PNM bertanggungjawab dalam pengurusan perkhidmatan perpustakaan iaitu untuk menyediakan kakitangan seramai lima (5) orang dan pembangunan koleksi perpustakaan. PABD telah dirasmikan pada 19 November 2013.

Persatuan Pustakawan Malaysia

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) adalah persatuan ikhtisas yang dianggotai oleh pegawai ikhtisas dan institusi yang terlibat dengan profesion kepustakawanan.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Yayasan Kepimpinan Perdana

PNM dan Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP) telah bekerjasama untuk menganjurkan Seminar Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Penulis pada 17 April 2013 di Putrajaya. Seminar ini bertujuan untuk membincang dan memberi pendedahan kepada peserta seminar mengenai gaya penulisan dan cetusan-cetusan idea YABhg. Tun Dr Mahathir Mohad dalam bidang penulisan.

Perbadanan Kota Buku

PNM dengan kerjasama Perbadanan Kota Buku (PKB) telah menganjurkan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Buku Sedunia 2013 pada 23 April 2013 yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM. Program ini diadakan bersesuaian dengan pengiktirafan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia oleh UNESCO. Pelbagai program telah dianjurkan sempena majlis pelancara tersebut seperti penyampaian sijil penghargaan kepada penerbit yang paling banyak menyerahkan bahan terbitan di bawah Akta Penyerahan Bahan 1986 (Akta 331) dan sebagainya.Kerjasama turut diadakan dengan mengadakan Program Jualan Buku@But Kereta pada 28 September 2014 di PNM.

Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia

PNM dan Persatuan Bagi Orang Buta Malaysua (MAB) telah bekerjasama untuk menganjurkan Program Mari Membaca 1Malaysia: Bacalah...Kamu Sinar Hidupku pada 27 Jun 2013 di Kompleks MAB, Kuala Lumpur. Program ini bertujuan bagi membantu perkembangan literasi golongan kelainan upaya yang mendapat pendidikan dan kemahiran di MAB. Selain daripada program penyerahan buku audio juga diadakan majlis pelantikan Tokoh Membaca Istimewa iaitu Cik Norhashimah Hashim.

Peringkat Antarabangsa

International Federation of Library Associations and Institutions

International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) adalah sebuah organisasi antarabangsa yang memimpin dalam pembangunan perkhidmatan perpustakaan dan kepustakawanan di seluruh dunia. IFLA juga merupakan platform bagi menyuarakan idea dan pandangan ahli dalam bidang kepustakawanan dan profesional maklumat di peringkat antarabangsa. Sebanyak 150 buah negara dengan keahlian 1,600 ahli telah menganggotai IFLA.

PNM menjadi ahli pertubuhan antarabangsa IFLA sejak tahun 1970 dan menyertai persidangan setiap tahun. Persidangan *IFLA World Library and Information Congress : 79th General Conference and Assembly* pada tahun 2013 diadakan pada 17 – 23 Ogos 2013 di Singapura dengan tema *"Future Libraries: Infinite Possibilities"*. PNM telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Pakej ke IFLA 2013 dan seramai 15 orang pegawai telah menyertai pakej tersebut di mana enam (6) orang adalah pegawai PNM. PNM juga telah menyertai dalam Pameran *Library Boulevard.*

Conference of Directors of National Libraries

Conference of Directors of National Libraries (CDNL) diadakan setiap tahun sempena Persidangan IFLA. Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar telah menghadiri mesyuarat tersebut yang juga diadakan di Singapura. Laporan Mesyuarat *21st Conference of Directors of National Libraries in Asia Oceania (CDNLAO)* serta *u-Pustaka : The Malaysian Ubiquitous Library Initiative* telah dibentangkan oleh YBhg. Dato' Raslin bin Abu Bakar dalam persidangan ini.

Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania

Perpustakaan Negara Malaysia selaku tuan rumah bagi Persidangan Pengarah-Pengarah Perpustakaan Negara Asia Oceania Ke-21 *(21st Conference of Directors of National Libraries in Asia Oceania* - CDNLAO) yang bertemakan "National Library as an Agent of Transformation" telah mengadakan persidangan tersebut pada 25 Mac hingga 28 Mac 2013 di Kuala Lumpur. Seramai 31 orang delegasi telah menyertai persidangan yang terdiri daripada 22 buah negara iaitu Australia, Bangladesh, Bhutan, Brunei, China, Fiji, Indonesia, Jepun, Kiribati, Korea, Laos, Malaysia, Maldives, Myanmar, Nepal, New Zealand, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam Laporan negara bagi Malaysia telah dibentangkan dalam persidangan ini.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PNM juga menganjurkan Seminar Literasi Maklumat dan Media bertema *"Media and Information Literacy: Catalyst for Life Long Learning"* yang telah diadakan pada 27 Mac 2013 sebagai salah satu pengisian persidangan CDNLAO. Seminar ini telah dihadiri oleh seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada pustakawan, guru, pegawai teknologi maklumat, pegawai pendidikan dan delegasi CDNLAO. Sebanyak lima (5) kertas kerja telah dibentangkan dari Negara New Zealand, Malaysia, China, Bangladesh dan Fiji. Manakala ucap tama pula telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Halim Shafie, Pengerusi Lembaga Penasihat PNM.

Congress of Southeast Asian Librarians

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menyertai *Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL)* sejak mula ditubuhkan pada tahun 1970. CONSAL merupakan forum di kalangan pustakawan dan ahli profesional dalam bidang berkaitan dari negara Asia Tenggara untuk menjalin hubungan kerjasama dengan menjalankan pelbagai projek.

Mesyuarat Lembaga Eksekutif CONSAL XVI telah diadakan pada 8 - 9 Mei 2013 di Bangkok, Thailand. YBrs. Cik Nafisah Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah PNM dan Puan Maimunah Abdul Kadir, Naib Yang DiPertua Persatuan Pustakawan Malaysia telah mewakili Malaysia dalam mesyuarat tersebut. Laporan negara bagi Malaysia telah dibentangkan dalam mesyuarat ini.

Asia Pacific Information Network

Penglibatan Perpustakaan Negara Malaysia dalam *Asia Pacific Information Network (APIN)* bermula sejak tahun 1990. PNM telah dilantik sebagai *focul point* aktiviti / program APIN untuk Malaysia.

ASEAN Committee on Culture and Information

Jawatankuasa ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN COCI) bertujuan untuk menggalakkan kerjasama yang berkesan dalam bidang kebudayaan dan maklumat ke arah meningkatkan persefahaman dan perpaduan di kalangan negara-negara anggota ASEAN dan menggalakkan pembangunan serantau. Perpustakaan Negara Malaysia melalui Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan yang memainkan peranan aktif dalam mencadangkan kertas projek untuk mendapatkan dana bagi pelaksanaan projek-projek perpustakaan di bawah Tabung Kebudayaan ASEAN COCI. PNM telah berjaya mendapat *ASEAN Cultural Fund* sebanyak USD50,000.00 bagi projek Persidangan Perpustakaan Digital yang akan diadakan pada tahun 2014 sempena *Visit Malaysia Year 2014.*

2013 Forum For Asia Library Directors

Perpustakaan Negara Malaysia telah di jemput untuk menghadiri *2013 Forum for Asia Library Directors* oleh Perpustakaan Negara China. Forum ini telah diadakan di Yunnan, China pada 17 hingga 21 November 2013. YBhg. Dato' Raslin bin Abu Bakar dan Puan Chin Loy Jyoon, Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat (BPDK) telah menghadiri forum tersebut. Kertas kerja *Resource Sharing and Public Accessibility Through Globalization of Knowledge : Malaysia's Experience* telah dibentangkan oleh YBhg. Dato' Raslin bin Abu Bakar dalam forum ini.

International Standard Book Number (ISBN)

Malaysia telah menyertai program *International Standard Book Number (ISBN)* sejak tahun 1982. Perpustakaan Negara Malaysia merupakan Pusat Kebangsaan ISBN bagi negara ini telah mengeluarkan sebanyak 385,098 ISBN pada tahun 2013.

International Standard Serial Number (ISSN)

Penyertaan Malaysia dalam program *International Standard Serial Number (ISSN)* telah bermula sejak 1976. Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Kebangsaan ISSN bertanggungjawab untuk mengurus pemberian ISSN bagi judul terbitan bersiri di negara ini. Pada tahun 2013, sebanyak 6,606 ISSN telah dikeluarkan untuk terbitan bersiri di negara ini.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PENERBITAN

- Pulo Ka Satu: Travelog Pulau Buton
- Dasar dan Garis Panduan Pendigitalan Koleksi PNM
- Laporan Tahunan PNM 2012
- Katalog Terbitan PNM 2013
- Perangkaan Perpustakaan di Malaysia 2012
- Sekitar Perpustakaan
- Bibliografi Monarki Malaysia

PENULISAN

Kertas Kerja / Laporan Negara

Dato' Raslin Abu Bakar
u-Pustaka: The Malaysia Ubiquitous Library Pilot Project dalam *Biblio Asia July 2013 (IFLA Special Edition).*

Dato' Raslin Abu Bakar dan Chin Loy Jyoon
Resource Sharing and Public Accessibility Through Globalization of Knowledge : Malaysia's Experience dalam *2013 Forum for Asia Library Directors* pada 18 - 21 November 2013 di Yunnan, China.

Dato' Raslin Abu Bakar dan Chin Loy Jyoon
CDNL Country Report 2013 : Malaysia. Kertas laporan negara ini dimuat naik dalam laman web *Conference of Directors of National Libraries (CDNL)* pada Ogos 2013 di Singapura.

Dato' Raslin Abu Bakar dan Chin Loy Jyoon
CDNL Country Report : Malaysia. Kertas laporan negara dibentangkan dalam *21st Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNLAO)* pada 25 - 28 Mac 2013 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Nafisah Ahmad dan Chin Loy Jyoon
CONSAL Country Report : Malaysia. Kertas laporan negara dibentangkan dalam *1st Meeting of the CONSAL XVI Executive Board* pada 8 - 9 Mei 2013 di Bangkok, Thailand.

Artikel / Rencana

Chin Loy Jyoon
Hosting the Conference of Directors of National Libraries in Asian and Oceania, Kuala Lumpur Malaysia, 25 – 28 March 2013 by National Library of Malaysia. Artikel diterbitkan dalam IFLA Asia and Oceania Section Newsletter, Jun 2013.

Yazid Ibrahim, Harleeza Abu Hussin dan Nor Shamsinar Baharom
Media and Information Literacy: Malaysian Experience. Artikel diterbitkan dalam Sekitar Perpustakaan, Bil. 42/2013.

Ulasan Buku

Abdul Jalil Awang
Allah doktorku : wahyu ubat penyakitku.
SARI PUSTAKA, (4) : 2013

Anis Mat Saat
Panduan untuk ibu bapa dan remaja : hai remaja! Pelihara kesihatan fizikal & mental anda.
SARI PUSTAKA, (3) : 2013

Ashiah Mohd Nor
Panduan bagi wanita yang baru menjadi ibu.
SARI PUSTAKA, (2) : 2013

Effah Imtiaz Zainol
Najib Razak : pemacu transformasi negara.
SARI PUSTAKA, (4) : 2013

Farrah Izzati Ismail
Cendol pulut santan lebih.
SARI PUSTAKA, (1) : 2013

Hishamuddin Ramli
Hijrah menjadi usahawan.
SARI PUSTAKA, (1) : 2013

Hasnan Mamat @ Ahmad Shazili
Magnet diri : cipta diri lebih berpengaruh dan berjaya.
SARI PUSTAKA, (4) : 2013

Hazlifah Zaidi
Rich dad poor dad. Ed. Bahasa Melayu.
SARI PUSTAKA, (1) : 2013

Iliza Ismail
Segala puasa dalam Islam : kepentingan, faedah, doa dan amalan-amalannya. Ed. bahasa Melayu.
SARI PUSTAKA, (1) : 2013

Junaidah Rosliy
Sihat dengan minyak zaitun berserta resepi-resepi pilihan.
SARI PUSTAKA, (4) : 2013

Kalthom Kassim
Wira kemerdekaan.
SARI PUSTAKA, (4) : 2013

Lai Sow Woon
Home schooling : satu penemuan pendidikan berkesan. Ed. bahasa Melayu.
SARI PUSTAKA, (3) : 2013

Masliza Hamid
Panduan menangani anak yang mogok sekolah dan malas belajar.
SARI PUSTAKA, (2) : 2013

Mazidah Abd Rahman
Cikgu, anak saya okey?
SARI PUSTAKA, (2) : 2013

Mohamad Razali Abu Bakar
Mudahnya dapat A.
SARI PUSTAKA, (3) : 2013

Mohamad Sharizal Omar
Berani berniaga : meraih 9/10 rezeki dari perniagaan.
SARI PUSTAKA, (3) : 2013

Mohd Fairuz Zakaria
43 inspirasi mendidik anak.
SARI PUSTAKA, (2) : 2013

Mohd Hafiz Salim
Survival kit pelajar menengah.
SARI PUSTAKA, (1) : 2013

Mohd Shah Abu Kasim
Panduan menjadi doktor di rumah sendiri. Ed. Bahasa Melayu.
SARI PUSTAKA, (2) : 2013

Mohd Izani Che Jaafar
Retire young retire rich. Ed. Bahasa Melayu.
SARI PUSTAKA, (4) : 2013

Muhammad Redzuan Ramli
The leader in you. Ed. Bahasa Melayu.
SARI PUSTAKA, (2) : 2013

Nor Afizah Mafrodi
100 persoalan mengenai kesihatan anak anda.
SARI PUSTAKA, (3) : 2013

Nor Azila Mohd Noor
Bagaimana untuk memulakan dan mengusahakan bisnes yang cemerlang.
SARI PUSTAKA, (4) : 2013

Nor Hidayah Othman
Keseronokan bekerja – milik siapa?.
SARI PUSTAKA, (1) : 2013

Norazlin Naseri
Semuanya soal hati.
SARI PUSTAKA, (3) : 2013

Norhamiza Mohamad Hanopiah
Tip belajar tanpa stress.
SARI PUSTAKA, (4) : 2013

Norzehan Razali
Memilih untuk bahagia.
SARI PUSTAKA, (2) : 2013

Nur Aishah Che Raimi
Rasulullah is my doctor. Ed. Bahasa Melayu.
SARI PUSTAKA, (3) : 2013

Nur Fatihah Al- Zahra Moh
Wanita bitrovert : membina keyakinan diri dan berfikiran positif.
SARI PUSTAKA, (3) : 2013

Sum Thing
9 habits of happiness : develop your own personal plan for happiness using step-by-step guide.
SARI PUSTAKA, (1) : 2013

Wan Mohd Saiful Mohd Ghazali
Dahsyatnya energi maaf, tolong & terima kasih.
SARI PUSTAKA, (2) : 2013

Rosenah Abdul Karim
The power of now : sampai bila mahu tunggu Ed. Bahasa Melayu.
SARI PUSTAKA, (1) : 2013

Wan Nai'ma Wan Nawang
Mengapa seorang ibu harus menyusukan anak?.
SARI PUSTAKA, (1) : 2013

Yazid Ibrahim
Sistem imun manusia : mempengaruhi kesihatan manusia.
SARI PUSTAKA, (4) : 2013

Zaimatul Ahlam Talhah
Super woman.
SARI PUSTAKA, (4) : 2013

Zuraidah Mohamed
Memancing hati anak remaja.
SARI PUSTAKA, (1) : 2013

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KELAB PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA PNM

Penubuhan Kelab PNM pada dasarnya adalah bermatlamat untuk membentuk dan mengamalkan suatu budaya kerjasama dan perkongsian idea di kalangan warga PNM tanpa mengira batasan agama, bangsa mahupun pangkat yang mencerminkan kesepaduan di bawah satu bumbung yang sama. Sepanjang tahun 2013, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh setiap biro selaras dengan tujuan utama penubuhan Kelab Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) iaitu untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dan perpaduan di kalangan warga PNM. Melalui semangat kekitaan dan kerjasama yang cukup baik di kalangan Jawatankuasa Eksekutif khususnya dan ahli Kelab PNM amnya, aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan secara keseluruhannya telah mencapai objektif dan sasaran yang dihasratkan.

Jawatankuasa Eksekutif Kelab PNM Sesi 2011/2013

Mesyuarat Agung Tahunan Kelab PNM yang ke-34 dan Sesi Pemilihan Ahli Jawatankuasa Eksekutif bagi tahun 2013/ 2015 telah diadakan pada 24 Jun 2013. AJK Eksekutif Kelab bagi sesi 2013/ 2015 yang telah dilantik adalah seperti berikut:

i. Puan Katrun Nada Haji Hashim
Yang DiPertua

ii. Encik Faizal Hilmie Yusoff
Naib Yang DiPertua/Pengerusi Biro Agama

iii. Puan Anis Mat Saad
Setiausaha Kehormat

iv. Cik Anis Omar
Penolong Setiausaha Kehormat

v. Puan Mazidah Abd. Rahman
Bendahari Kehormat

vi. Pengerusi Biro
- Encik Mohd Shah Abu Kassim (Keahlian dan Seranta)
- Cik Noorzaimah Razali (Kebajikan)
- Encik Mohd Shokry Abdul Rahman (Sukan)
- Puan Norhaizum Sahril (Biro Sosial dan Kebudayaan)
- Encik Yazid Ibrahim (Biro Ekonomi)

vii. Juru Audit
- Puan Anita Mohd Jusoh
- Puan Noorfadzilah Kadar Bawa

Keahlian Kelab PNM

Kelab PNM mempunyai 3 jenis keahlian iaitu Ahli Kehormat, Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu. Sehingga akhir Disember 2013, jumlah keahlian adalah seramai 455 orang.

Cerminan Kesepaduan Toleransi dan Permuafakatan Melalui Pelaksanaan Aktiviti Kelab

Sepanjang tahun 2013, Kelab PNM telah melaksanakan pelbagai aktiviti merangkumi aktiviti kesukanan, wacana minda dan program kemasyarakatan. Dalam melaksanakan aktiviti kelab, Jawatankuasa eksekutif sentiasa memastikan elemen kesepaduan, toleransi dan pemuafakatan sentiasa dititikberatkan sejajar dengan matlamat penubuhan Kelab PNM iaitu untuk membentuk dan mengamalkan budaya kerjasama dan perkongsian idea di kalangan kakitangan PNM tanpa mengira batasan agama, bangsa mahupun pangkat. Pada 5-8 November 2013, PNM melalui Kelab PNM buat julung kalinya juga telah menjayakan Program Ekspedisi Mendaki Gunung Kinabalu di mana penganjuran ekspedisi ini turut menerima sumbangan sebanyak RM 5,000.00 daripada YBhg. Dato' Ketua Pengarah.

AKTIVITI
Program Ekspedisi Mendaki Gunung Kinabalu (5-8 Nov 2013)
Kempen Pemeriksaan Kesihatan (3-4 September 2013)
'Program Ihya' Ramadhan (Sepanjang bulan Ramadhan 2013)
Hari Keluarga PNM 2013 (1 Mei 2013)
Majlis Berbuka Puasa Sempena Lawatan YB Menteri Kementerian Perlancongan dan Kebudayaan Malaysia (15 Julai 2013)
Enam (6) Sesi Aktiviti Senamrobik dan Tarian
Perlawanan Persahabatan Badminton Bolasepak PNM dengan JAWI, JKR dan Jabatan Akauntan Negara

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Imbasan Aktiviti PNM 2013

Majlis Berbuka Puasa Sempena Lawatan YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 15 Julai 2013

Kempen Pemeriksaan Kesihatan pada 3 dan 4 September 2013 dengan kerjasama NKF

Program Ekspedisi Mendaki Gunung Kinabalu pada 5 - 8 November 2013

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PUSPANITA CAWANGAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PUSPANITA Cawangan PNM bernaung di bawah PUSPANITA Cawangan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan yang dipengerusikan oleh YBhg Datin Sri Rohayah Harun, isteri kepada Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Selaras dengan pembentukan Kabinet pada 16 Mei 2013, Perpustakaan Negara Malaysia telah diletak di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Mulai Jun 2013, PUSPANITA Cawangan PNM bernaung di bawah YBhg Datin Ng Lay Heng, isteri kepada Ketua Setiausaha KPK. PUSPANITA Cawangan PNM dipengerusikan oleh YBhg Datin Limah bt. Nor, isteri Ketua Pengarah Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia. PUSPANITA Cawangan PNM sentiasa menyokong pelaksanaan dasar-dasar kerajaan supaya menjadi ahli pasukan yang berilmu serta berkemahiran.

Keahlian

Sehingga akhir tahun 2013, jumlah keahlian ialah seramai 242 yang terdiri dari 178 ahli biasa dan 64 ahli seumur hidup.

Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan PNM

Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan PNM 2012-2014 adalah seperti berikut :

Pengerusi	:	YBhg. Datin Limah bt. Nor
Timbalan Pengerusi	:	Puan Katrun Nada bt. Haji Hashim
Setiausaha	:	Puan Toon Hoon Chin
Penolong Setiausaha	:	Puan Chuhana @ Suhana bt. Ahmad
Bendahari	:	Puan Sum Thing (mulai 2012 sehingga 30 Jun 2013)
Penolong Bendahari	:	Cik Rokiah bt. Mohd Kasim

Pengerusi Biro

Biro Ekonomi	:	Puan Zubaidah bt. Md Yusof
Biro Sosial	:	Puan Sofia bt. Osman
Biro Kebajikan	:	Puan Rosliza bt. Ismail
Biro Agama	:	Cik Nor Azila bt. Mohd Noor
	:	Puan Sofiah bt. Ibrahim
Biro Sukan	:	Cik Zalina bt. Abdul Rahim
Pemeriksa Kira-Kira	:	Puan Norlida bt. Shuib
	:	Puan Noorfadzilah bt. Kadar Bawa

Kegiatan PUSPANITA Cawangan PNM 2013

Sepanjang tahun 2013, PUSPANITA Cawangan PNM telah merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti sosial, agama, sukan dan kebajikan sama ada di peringkat Jabatan, Kementerian atau Kebangsaan. Melalui aktiviti-aktiviti ini, ahli dapat membudayakan pemikiran kreatif dan inovatif untuk mempertingkatkan prestasi PUSPANITA PNM.

Perjumpaan Dengan Wakil Bahagian

Perjumpaan dengan Wakil Bahagian telah diadakan pada 21 Jun 2013. Pengerusi telah beramah mesra dan bergaul dengan semua Wakil Bahagian. Setiap Biro telah memaklumkan aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2013 dan juga menerima cadangan yang dibangkitkan oleh ahli PUSPANITA PNM. Kebajikan Jawatankuasa Kecil Kebajikan memberi sumbangan bagi kematian ahli keluarga terdekat, perkahwinan dan juga lawatan kunjung kasih ke rumah dan juga melawat ahli yang sakit di hospital. Semua ahli telah menerima sumbangan buah kurma sempena bulan Ramadhan Al Mubarak. Seramai 16 ahli telah menerima bantuan Karisma@Hati Rakyat anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat melalui PUSPANITA Kebangsaan pada 25 Mac 2013 dan mendapat baucer bernilai RM200.00 seorang.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Sukan

Dua ahli telah menyertai *Treasure Hunt* ke Melaka anjuran BENITA, BERNAMA pada 1-2 Februari 2013 dan dapat menyempurnakan tugasan yang diberi dalam masa yang ditetapkan.

Sosial

